Pemilihan lokasi dan kontrak projek perumahan juga menghadapi persaingan dengan pemaju swasta. Keputusan penentuan pemilihan lokasi perlu cepat dilakukan supaya tidak terlepas kepada pemaju swasta. Bagi melicinkan proses membuat keputusan, satu jawatankuasa telah diwujudkan untuk memastikan keputusan dibuat dengan cepat dan betul. Jawatankuasa ini ditugaskan untuk membuat lawatan, menilai dan melaporkan kepada mesyuarat lembaga bagi membuat keputusan. Keputusan pemilihan lokasi dititikberatkan oleh koperasi supaya keputusan yang dihasilkan menepati tujuan asal koperasi terlibat dalam aktiviti penyediaan perumahan. Kenyataan ini disokong dengan temu bual peserta kajian yang menyatakan seperti berikut:

*“... Jawatankuasa ini akan melawat, menilai dan melapor dalam mesyuarat lembaga. Keputusan kena cepat, bersaing cuba merebut peluang...” (KOOPI)*

### ***Kekangan sumber dana projek***

Cabaran seterusnya yang dihadapi oleh koperasi dalam penyediaan perumahan ialah kekangan sumber dana projek. Walaupun anggota lembaga koperasi (ALK) mempunyai semangat, kepakaran dan motivasi yang tinggi untuk membantu anggota dan orang ramai dalam penyediaan rumah mampu milik dan memulihkan projek perumahan terbengkalai tetapi pada masa yang sama menghadapi masalah untuk mendapatkan dana. Sumber dalaman koperasi untuk menampung projek perumahan yang melibatkan pembelanjaan besar tidak mencukupi, ia perlu kepada sokongan dana luaran. Sumber dana dalaman koperasi melibatkan saham anggota. Namun anggota hanya membayar jumlah saham minimum sahaja. Ketidacukupan ini akan ditampung oleh sumber dan pembiayaan luaran iaitu pihak bank. Oleh itu, koperasi perlu mengadakan hubungan yang baik dengan pihak bank. Keperluan penyediaan dokumen yang lengkap dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Terdapat juga kes tertentu koperasi terpaksa memajukan tapak projek untuk kelulusan pembiayaan. Kenyataan ini diakui oleh peserta kajian melalui sesi temu bual seperti berikut:

*“... walau anggota koperasi ramai, tetapi anggota membayar jumlah saham minimum. ... aktiviti perumahan melibatkan dana yang besar, kerana itu perlu pembiayaan luaran” (KOOP2).*

*“Pihak bank nak tengok dokumen projek dan rekod kewangan koperasi... semua perlu lengkap, supaya tidak timbul masalah. ... sesetengah projek dijadikan cagaran kepada bank. ... hubungan baik dengan bank perlu ada” (KOOPI).*

### ***Nilai dan prinsip berkoperasi yang semakin rendah***

Koperasi perumahan biasanya terdiri dari koperasi yang sudah stabil daripada segi kewangan dan telah lama wujud. Antara ciri-cirinya daripada segi keanggotaan koperasi telah ditutup kemasukan anggota baru dengan alasan menstabilkan dan memperkasakan keanggotaan yang sedia ada. Dengan pendekatan ini telah menyebabkan keanggotaan koperasi terdiri daripada golongan yang berusia dan pewaris koperasi dipindah kepada waris yang mempunyai pertalian darah. Kesannya, dengan anggota yang berusia adalah sukar untuk memberi sokongan kepada aktiviti koperasi dan tiada pelapis yang berminat untuk meneruskan aktiviti koperasi. Manakala pewaris melalui hubungan keluarga pula menyebabkan kesukaran apabila ahli keluarga berada jauh dari lokasi koperasi dan juga jika terdapat ramai pewaris akan berlaku perebutan aset koperasi yang boleh menjejaskan kualiti aset tersebut, antaranya dengan mengambil jalan singkat menjual rumah yang disediakan oleh koperasi. Pelantikan kepimpinan dan pengurusan koperasi juga menghadapi

kesukaran dengan keanggotaan yang berada jauh. Oleh itu, kepimpinan koperasi akan dimonopoli oleh anggota yang sama dan kurang berlaku cetusan idea baru. Di samping itu juga, kerjasama antara koperasi yang mana diterapkan melalui prinsip keenam iaitu kerjasama antara koperasi sukar terjalin. Sebagai contoh KPMB cuba untuk menjalinkan kerjasama dengan koperasi yang mempunyai tanah bagi tujuan projek perumahan. Namun koperasi tersebut lebih rela dan yakin menyerahkan tanah tersebut kepada pemaju swasta untuk menjalankan projek perumahan.

Analisis deskriptif bagi melihat tahap nilai dan prinsip berkoperasi secara 'skala Likert' dengan menggunakan skala 1 (*Sangat Tidak Setuju*), 2 (*Tidak Setuju*), 3 (*Neutral*), 4 (*Setuju*) dan 5 (*Sangat Setuju*) seperti Jadual 3, mendapati nilai bertanggungjawab atas diri sendiri dan kesamarataan mempunyai purata yang rendah iaitu masing-masing 3.00 dan 2.67. Manakala untuk prinsip koperasi menunjukkan prinsip keanggotaan sukarela dan terbuka, penyertaan ekonomi anggota dan kerjasama antara koperasi mempunyai nilai purata yang rendah dengan masing-masing 3.00, 2.67 dan 2.67. Secara umumnya, nilai dan prinsip koperasi yang rendah ini membuktikan koperasi yang terpilih sebagai sampel menghadapi cabaran dalam menghadapi kemerosotan nilai dan prinsip berkoperasi di kalangan anggotanya dan koperasi lain. Manakala nilai sisihan piawai yang rendah iaitu nilai koperasi sebanyak 0.254 dan prinsip koperasi 0.218 disebabkan bilangan sampel yang kecil. Tahap nilai dan prinsip berkoperasi secara terperinci seperti di jadual 5.

**Jadual 5:** Tahap Nilai dan Prinsip Berkoperasi

Nilai Koperasi	Min	S.D
	3.44	0.254
Membantu diri sendiri	3.33	0.577
Bertanggungjawab atas diri sendiri	3.00	1.000
Demokrasi	3.33	0.577
Kesamarataan	2.67	1.155
Keadilan	4.33	0.577
Perpaduan	4.00	0.000
Prinsip Koperasi	Min	S.D
	3.38	0.218
Keanggotaan Sukarela dan Terbuka	3.00	0.577
Kawalan Demokratik Anggota	3.33	0.577
Penyertaan Ekonomi Anggota	2.67	1.155
Autonomi dan Kebebasan	4.00	0.000
Pendidikan, Latihan dan Maklumat	4.00	0.000
Kerjasama antara Koperasi	2.67	1.528
Prihatin terhadap Komuniti	4.00	0.000

## ***Dasar kerajaan dan kerendah birokrasi***

Koperasi tidak mendapat apa-apa keistimewaan dasar kerajaan dalam aktiviti penyediaan perumahan, sama seperti dengan pemaju swasta. Hanya keistimewaan diperolehi koperasi sebelum 2002 berkaitan peraturan tidak memerlukan untuk membayar deposit kepada kerajaan bagi memulakan projek pembinaan perumahan. Namun, keistimewaan ini ditarik balik dan memberi kesan kepada keupayaan kewangan koperasi menjalankan projek perumahan. Dalam hal ini juga, kesukaran untuk mendapatkan kelulusan tender projek perumahan yang disebabkan oleh karenah birokrasi adalah kadangkala bertentangan dengan etika dan pengurusan koperasi. Sebagai contoh pihak koperasi telah menghantar pelan perancangan projek perumahan lebih awal ke Majlis Perbandaran Negeri, namun tempoh kelulusan yang diberi mengambil masa yang terlalu lama. Keadaan ini menyebabkan banyak projek yang dirancang tertangguh dan tidak menepati tempoh masa yang ditetapkan. Ini dijelaskan oleh peserta kajian melalui sesi temu bual seperti berikut:

*“Sebelum 2002 koperasi mendapat keistimewaan, dengan tidak perlu letak deposit .... tetapi sekarang adalah sama.” (KOOP2).*

Pemaju yang terlibat dalam aktiviti penyediaan perumahan perlu berurusan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan agensi-agensi tertentu termasuklah oleh pemaju dalam kalangan koperasi. Apabila melibatkan urusan dengan PBT dan agensi yang berkaitan, koperasi perlu merancang dengan baik dan menyediakan dokumen diperlukan dengan lengkap dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Ini supaya bagi memastikan tiada kelewatan dalam menerima kelulusan. Proses ini, pihak koperasi perlu pergi ke beberapa buah pejabat kerajaan dan melayan pelbagai karenah penjawat awam sehingga terdapat juga kes yang mana berlaku kelewatan mendapat surat kelulusan. Situasi ini dinyatakan oleh peserta temu bual seperti berikut:

*“Berurusan dengan pihak berkuasa tempatan perlu dibuat secara terancang, ... kalau tidak, projek akan tergendala. ... Terdapat juga kes yang lewat mendapat kelulusan. ... proses kelulusan yang lambat... perlu pergi banyak pejabat.” (KOOP1).*

## ***Harga tanah yang mahal***

Tanah merupakan keperluan asas dalam aktiviti penyediaan perumahan. Permintaan untuk perumahan di Malaysia, terutamanya di bandar-bandar utama telah menyebabkan harga tanah kediaman untuk terus meningkat sepanjang tahun (Nadiya et al., 2015). Harga tanah yang semakin mahal menjadi cabaran kepada koperasi. Nilai tanah yang tinggi mempengaruhi harga rumah. Di samping turut mempengaruhi reka bentuk rumah, yang mana keluasan rumah akan dibentuk ke atas iaitu rumah akan dibuat secara bertingkat dengan mengecilkan keluasan lebar rumah. Harga rumah siap yang tinggi dan rumah bertingkat akan memberi kesan kepada tahap jualan rumah nanti. Pembeli lebih berminat membeli rumah bawah (rumah teres) berbanding pangsapuri dan harga yang tinggi mempengaruhi kelayakan pembiayaan pembeli. Harga tanah yang makin tinggi bergantung kepada lokasi tanah tersebut, yang mana telah mempunyai kemudahan asas dan terdapat pembangunan sekelilingnya terutama tanah di sekitar Lembah Klang yang harganya semakin mahal. Di samping itu, dengan permintaan terhadap tanah di lokasi tertentu juga antara penyebab nilai tanah makin mahal. Sekiranya projek perumahan yang dijalankan di atas tanah berkos rendah selalunya melibatkan masalah kekurangan kemudahan asas. Kelewatan dalam membangunkan kemudahan asas akan menjejaskan pasaran perumahan di lokasi tersebut. Kenyataan ini diakui oleh peserta kajian semasa temu bual seperti berikut:



*“... Tanah banyak mempengaruhi aktiviti perumahan. ... jika kos mendapatkan tanah tinggi, sudah pasti kos tersebut akan dimasukkan dalam harga rumah nanti. Tanah adalah asas dalam projek perumahan.” (KOOP1).*

*“... sudah pasti kos mendapatkan tanah akan mempengaruhi harga rumah, bila siap nanti. ... Di Lembah Klang, harga tanah cukup mahal, oleh itu banyak rumah dibuat berkembang ke atas, lebar rumah kecil tapi hendak keluasan akan dibuat secara bertingkat.” (KOOP2).*

### **Perubahan citarasa pembeli**

Memenuhi citarasa pembeli menjadi cabaran kepada koperasi dalam aktiviti penyediaan perumahan. Pada 1980-an dan 1990-an, kriteria pemilihan rumah oleh pembeli lebih tertumpu kepada keluasan, jenis kemudahan disediakan dan harga rumah yang berpatutan. Namun, citarasa pembeli sekarang dalam membuat keputusan pembelian rumah akan meneliti daripada segi rekabentuk rumah, bahan binaan dan pengalaman pemaju. Di samping itu, pembeli juga suka membuat perbandingan antara pemaju dalam membuat keputusan. Kesannya, terdapat unit rumah tertentu yang telah siap belum habis dijual dan mengambil masa yang panjang untuk menjualnya. Keadaan ini dalam jangka pendek memberi kesan kepada modal pusingan koperasi. Namun dalam jangka panjang, memberi kelebihan kepada koperasi dengan nilai unit rumah tersebut semakin tinggi. Pada masa yang sama didapati koperasi kurang peka akan kehendak pembeli yang sedemikian. Keadaan ini merupakan salah satu faktor yang boleh menjejaskan imej koperasi untuk mengekalkan prestasi sebagai pemaju perumahan terbaik. Situasi ini dinyatakan oleh peserta temu bual seperti berikut:

*“Pembeli sekarang, dia punya citarasa berbeza dengan sebelum nya, banyak perkara diteliti. ... rekabentuk, bahan binaan, pengalaman pemaju juga disiasat. ... boleh dikatakan pembeli sekarang lebih berhati-hati dalam membuat keputusan membeli rumah.” (KOOP1).*


*“... ada unit rumah yang telah siap mengambil masa yang agak panjang untuk dijual, tapi bilangan tidak banyak. ... keadaan ini, dalam jangka pendek, koperasi menghadapi masalah modal pusingan, tapi jangka panjang, sebenarnya koperasi untung, kerana harga rumah tersebut makin tinggi.” (KOOP2).*

### **Cabaran yang dihadapi oleh Sektor Koperasi bagi Penyediaan Pembiayaan Perumahan Patuh Syariah**

Koperasi yang terpilih menjadi sampel tidak menjalankan aktiviti penyediaan pembiayaan perumahan patuh syariah. Oleh itu, tiada dapatan yang dapat dikemukakan. Namun, kajian ini telah mengemukakan cadangan produk pembiayaan patuh syariah melalui Model Kontrak MMQ bagi tujuan mendapat pandangan dan maklum balas peserta temu bual.

### **Cadangan Produk Pembiayaan Perumahan Patuh Syariah: Model Kontrak MMQ**

Daripada amalan operasi kontrak MMQ oleh ketiga-tiga bank yang dirujuk, satu ringkasan model yang boleh dikemukakan dan dicadangkan untuk dilaksanakan oleh koperasi bagi melaksanakan aktiviti penyediaan pembiayaan perumahan patuh syariah berkonsepkan kontrak MMQ boleh digambarkan seperti rajah 4.



**Rajah 4:** Ringkasan Model Kontrak ‘Musharakah Mutanaqisah’ (MMQ)

Sekiranya koperasi mempunyai kemampuan dan bersedia melaksanakan aktiviti ini, secara umumnya aplikasi pemilikan bermanfaat dalam kontrak perkongsian pembiayaan perumahan MMQ melibatkan beberapa langkah yang berlaku. Langkah pertama pelanggan mengenal pasti kediaman yang ingin dibeli dan memohon pembiayaan dari koperasi. Pelanggan dan koperasi akan memasuki kontrak MMQ yang bertujuan untuk memiliki rumah secara perkongsian. Pembayaran deposit daripada pelanggan akan menjadi caruman terhadap perkongsian tersebut, manakala baki harga rumah akan dicarum oleh koperasi sebagai rakan kongsi (iaitu, jumlah caruman koperasi merupakan amaun pembiayaan).

Diikuti langkah kedua, yang mana koperasi selaku pencarum terbesar dalam perkongsian akan menyewakan aset tersebut kepada pelanggan. Praktis semasa yang berlaku ialah koperasi akan menyewakan bahagiannya kepada pelanggan. Keseluruhan bayaran sewaan akan menjadi milik koperasi. Bayaran sewa yang dikenakan adalah sama dengan kadar keuntungan yang dikenakan oleh amalan bank konvensional. Seterusnya langkah ketiga iaitu sepanjang tempoh sewaan pada jarak waktu yang dipersetujui, pelanggan akan membeli unit-unit yang mewakili bahagian

koperasi dalam aset. Hal ini dilaksanakan apabila pelanggan dikehendaki membayar sejumlah amaun tambahan ketika membayar sewa kepada pihak koperasi sebagai pembelian bahagian koperasi dalam aset (kontrak jual beli berlaku). Bahagian koperasi akan berkurangan setiap kali pembelian unit oleh pelanggan. Pada akhir tempoh sewaan, aset akan dimiliki sepenuhnya oleh pelanggan dan nama pemilikan aset akan diserahkan kepada pelanggan. Kontrak MMQ berakhir.

Dapatan kajian melalui sesi temu bual mendapati peserta kajian menyambut baik cadangan ini. Koperasi yang terlibat dengan aktiviti penyediaan perumahan dan terdapat aktiviti penyediaan pembiayaan perumahan serta patuh syariah seperti ringkasan model kontrak MMQ dianggap sebagai pakej pelengkap kepada pembeli sama ada anggota koperasi atau orang luar. Pada pandangan mereka, pakej ini boleh menarik minat lebih ramai pembeli dan memudahkan untuk proses penjualan unit rumah.

Namun, bagi melaksanakan kedua-dua aktiviti ini secara serentak memerlukan sumber dana yang besar dan kestabilan kewangan koperasi. Peserta kajian mencadangkan aktiviti secara pakej ini boleh dikemukakan untuk dilaksanakan oleh koperasi yang lebih besar. Di samping itu, dengan kaedah lain koperasi boleh mengadakan gabungan koperasi bagi mencukupi sumber dana. Bantuan kerajaan juga boleh dipohon bagi membantu koperasi merealisasikan aktiviti penyediaan perumahan dan pembiayaannya secara serentak. Kenyataan ini dijelaskan oleh peserta kajian seperti berikut:

*“Cadangan jalankan aktiviti ini baik. ... satu pakej menarik bagi anggota dan pembeli, tetapi untuk jadikannya sebagai aktiviti koperasi perlukan kewangan koperasi yang kukuh. ... koperasi perlu menilai dengan lebih mendalam aktiviti ini. ... jika pihak kerajaan boleh bantu daripada segi kewangan, perkara ini boleh dilaksanakan.” (KOOP1).*

*“Aktiviti ini perlu sumber dana yang besar. ... dengan keadaan sekarang tidak mampu untuk laksana. ... ini cadangan yang baik dan boleh diketengahkan kepada koperasi yang lebih besar dan kukuh kewangannya. ... jika dibuat gabungan koperasi bagi kumpul dana, aktiviti ini boleh dijalankan ... satu pelengkap kepada penyedia perumahan seperti koperasi, pemaju dan pemberi pinjaman perumahan sekaligus.” (KOOP2).*

*“Pakej yang baik jika dapat dilaksanakan. ... boleh menarik pembeli dan unit rumah mudah untuk dijual. ... satu cadangan yang boleh diketengahkan.” (KOOP3).*

## KESIMPULAN

Penyediaan rumah mampu milik masih lagi tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan pembeli. Penglibatan sektor koperasi bersama sektor awam dan swasta dalam penyediaan rumah mampu milik perlu diberi peluang lebih luas. Kajian ini telah meninjau penglibatan koperasi dalam penyediaan rumah mampu milik dan pembiayaan perumahan patuh syariah serta cabaran yang dihadapi. Data yang diperolehi mendapati penglibatan koperasi dalam penyediaan rumah mampu milik agak kecil dengan peratusan kurang dari 3% sumbangan berbanding dengan sektor awam dan swasta dalam penyediaan rumah mampu milik. Manakala aktiviti penyediaan pembiayaan

perumahan patuh syariah, koperasi masih lagi belum terlibat. Di samping itu, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi oleh koperasi dalam penglibatan penyediaan rumah mampu milik iaitu persaingan dengan sektor swasta dalam pasaran, masalah nilai dan prinsip koperasi yang semakin merosot dalam kalangan anggota, sumber dana yang terhad, dasar kerajaan dan birokrasi, tanah dan perubahan citarasa pembeli. Namun, koperasi bersetuju dengan aktiviti penyediaan pembiayaan perumahan patuh syariah seperti kontrak '*Musyarakah Mutanaqisah*' sebagai pelengkap kepada aktiviti penyediaan rumah mampu milik. Walau bagaimanapun aktiviti ini perlu kepada sokongan sumber dana luar kerana keterbatasan sumber kewangan koperasi.

Oleh itu, sektor koperasi perlu memperkasakan potensi yang ada supaya pihak kerajaan dapat memberi peluang dengan lebih luas dalam aktiviti penyediaan rumah mampu milik dan pembiayaan perumahan patuh syariah. Kajian yang dijalankan ini terdapat halangan daripada segi kekangan masa dan limitasi maklumat yang diperolehi. Bagi cadangan penambahbaikan untuk kajian akan datang dicadangkan turut dijalankan analisis maklumbalas pembeli dan bakal pembeli rumah mampu milik daripada segi keperluan yang mereka jangkakan. Kajian ini akan lebih menarik, yang mana pihak yang membuat permintaan dan penawaran dikaji bersama daripada segi keperluan dan cabaran masing-masing. Justeru itu, dengan usaha penambahbaikan yang dicadangkan ini agar dapat menghasilkan satu kajian yang lebih menarik dan boleh dijadikan bahan rujukan di masa akan datang.

## RUJUKAN

- Abdul Hadi Ismail., Mohd Shukri Jusoh., Mohd Borhanuddin Zakaria., & Syed Mohd Hafiz Syed Omar. (2013). Kedinamikan Musharakah Mutanaqisah dalam Memenuhi Tuntutan Sistem Muamalah Islam Moden. *International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*, 354 – 368.
- Adabre, M.A., & Chan, A.P.C. (2018). The Ends Required to Justify the Means for Sustainable Affordable Housing: A Review on Critical Success Criteria. *Sustainable Development*, 1-14.
- Angel. S. (2015). 11th Annual Demographia International Housing Affordability Survey: 2015 'Ratings for Metropolitan Markets' Performance Urban Planning Christchurch, New Zealand.
- Asyraf Wajdi Dusuki., & Nurdianawati Irwani Abdullah. (2014). Maqasid al-Shari`ah, Masalahah and Corporate Social Responsibility. *The American Journal of Islamic Social Sciences* 24(1)
- Bajet 2018. (2017). ISBN 978-983-43512-7-4. Percetakan Nasional Malaysia Berhad Kuala Lumpur.
- Budiman Mohd Zohdi., & Hayati Md. Salleh. (2016). *Hayati Nilai Koperasi Semaikan Budi*. Maktab Koperasi Malaysia.
- Cheah, Su Ling., & Almeida, S.J. (2017). Pencerahan Isu Rumah Mampu Milik. *Utusan Online*, 24 Mac. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/pencerahan-isu-rumah-mampu-milik-1.461014> (diakses pada 22 Mei 2018).
- Crawford, J., & Irving, C. (2009). Information literacy in the workplace: A qualitative exploratory study. *Journal of Librarianship and Information Science* 41(1), 29-38.
- Creswell, J.W. (2009). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Sage Publications.
- Dasar Perumahan Negara (2018 - 2025). ISBN 978-983-9424-02-07. Jabatan Perumahan Negara, Malaysia.
- Dzul Ashrai Abu Bakar., & Hamzah Jusoh. (2017). Kesejahteraan Komuniti Dalam Skop Perumahan Mampu Milik Mampan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 13(2): 97-114.
- Hamidi, S., Ewing, R., & Renne, J. (2016). How Affordable Is HUD Affordable Housing? *Housing Policy Debate*, 26(3): 437-455.
- Hsieh, H.F., & Shannon, S.E. (2007). Three Approaches to Qualitative Content Analysis. *Qualitative Health Research*, 15(9): 1277-1288.
- Jabatan Perumahan Negara. (2014). *Mekanisma Pelaksanaan Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome)*. Putrajaya.
- Kementerian Wilayah Persekutuan. (2013). *Dasar Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan*. Putrajaya.

- Krippendorff, K. (2013). *Content Analysis. An Introduction to Its Methodology* (3rd Ed). Sage Publications.
- Laporan Ekonomi 2017/2018*. (2017). ISSN 0126-8996. Percetakan Nasional Malaysia Berhad Kuala Lumpur.
- Maslow, A.H. (1943). A Theory of Human Motivation. *Psychological Review*, 50; 370–396.
- Merriam, S.B. (1984). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. Jossey-Bass Inc.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Razali Agus. (2001). *Perumahan Awam di Malaysia: Dasar dan Amalan*. Utusan Publication and Distributors Sdn.Bhd.
- Mohd Sollehudin Shuib., Joni Tamkin Borhan., & Azizi Abu Bakar. (2011). Musharakah Mutanaqisah Home Financing Products: An Implementation Analysis, Product Advantages and Issues at Citibank (Malaysia) Berhad. *Journal of Techno-Social* 3 (2): 43 – 53.
- Muhammad Ibrahim. (2017). Ucapan Gabenor di Majlis Makan Malam Tahunan 2017 Pejabat BNM Kota Kinabalu, Sabah, 28 Oct 2017. [http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=enspeech&pg=en\\_speech&ac=767&lang=en](http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=enspeech&pg=en_speech&ac=767&lang=en). (diakses pada 13 September, 2018).
- Mohamad Zaim Ismail., Joni Tamkin Borhan., Muhammad Ikhlas Rosele. (2015). Teori dan amalan pembiayaan semula perumahan di RHB Islamic Bank Berhad (RHBIBB). *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 9, 92 – 111.
- Nadiya Adnan., Hasniyati Hamzah., Mohd Nasir Daud., & Yasmin Mohd Adnan. (2015). Malaysian Housing Co-Operatives: Past Performance, Current Problems and Future Direction. *International Surveying Research Journal*, 5(2); 13-25.
- Noorhaslinda Kulub Abd., Rashid., Aslina Nasir., Zuraini Anang., Roseliza Mat Alipiah., Rahmah Ismail., Sanep Ahmad., & Shahida Shahimi. (2018). Determinants of Muslim Household Basic Needs Consumption Expenditures. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1): 279 – 292.
- Norazmawati Md. Sani. (2007). 'Kemampuan pemilikan rumah kos rendah di Kuala Lumpur', A PhD Thesis submitted to the Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Method*. Sage Publications.
- Perbadanan PR1MA Malaysia. (2014) Mengenai PR1MA. <http://www.pr1ma.my/about.php?lang=bm>. (diakses pada 12 April 2018)
- Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 Kerajaan Malaysia. (1971). Kuala Lumpur.
- Robson, C. (2011). *Real World Research: A Resource for Users of Social Research Methods in Applied Settings*. Wiley

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2018). *Fungsi dan Aktiviti Koperasi*. <https://www.skm.gov.my/index.php/my/mengenai-skm/gerakan-koperasi/pengenalan/fungsi-dan-aktiviti-koperasi>.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2021). Statistik Tahunan Koperasi Tahun 2020.

Sharaime Shaik Ahmedullah. (2015, Mac 8). *Projek Rumah PRIMA Diperbanyak*. <http://www.utusan.com.my/berita/nasional/projek-rumah-pr1ma-diperbanyak-1.67041> (diakses pada 20 Mei 2018).

Wenger, E., McDermott, R., & Snyder, W. (2002). *Cultivating Communities of Practice: A Guide to Managing Knowledge*. Harvard Business School Press.

White, M.D., & Marsh, E.E. (2006). Content Analysis: A Flexible Methodology. *Library Trends*, 55(1); 22-45.

Yin, R. (1994). *Case Study Research (2nd Edition)*. Sage.

Zulkipli Omar. (2016, Ogos 22). Kemiskinan Bandar. [https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZul22\\_08\\_2016.pdf](https://www.mier.org.my/newsarticles/archives/pdf/DrZul22_08_2016.pdf)

**PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM KOSISWA:  
KAJIAN EMPIRIKAL DI INSTITUT PENGAJIAN  
TINGGI AWAM MALAYSIA  
(Involvement of Student in KOSISWA: An Empirical Study in  
Malaysian Public Universities)**

**Mohamad Haniff Mohamad Hashim<sup>a</sup>, Mohd Zaib Mat Yunus<sup>b</sup>, Salwana Ali<sup>c</sup>**

<sup>a</sup> Bahagian Keusahawanan dan Perniagaan, Institut Koperasi Malaysia

<sup>b</sup> Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Modal Insan, Institut Koperasi Malaysia

<sup>c</sup> Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah, Petaling Jaya

\*Corresponding author: haniff@ikma.edu.my

Received 10 May 2021; Revised 17 June 2021; Accepted 25 August 2021

**ABSTRAK**

*Institut pengajian tinggi (IPT) bertanggungjawab meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan keusahawanan. Ilmu keusahawanan amat penting kepada para mahasiswa kerana pendidikan peringkat tinggi berserta ilmu keusahawanan mampu membuka lebih banyak peluang pekerjaan dan juga perniagaan kepada mereka. Dijangka, ini mampu mengurangkan kadar pengangguran di kalangan graduan pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, penglibatan sebenar para mahasiswa dalam aktiviti keusahawanan di institusi pengajian awam (IPTA) masih rendah walaupun bilangan mahasiswa besar. Justeru, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti ciri-ciri keusahawanan dan faktor-faktor yang mendorong aktiviti keusahawanan, serta menilai tahap penglibatan mahasiswa dalam aktiviti keusahawanan sebagai anggota koperasi siswa (KOSISWA). Data kajian didapati melalui tinjauan sampel menggunakan borang soal selidik. Responden terdiri daripada 230 orang anggota 17 buah KOSISWA di institusi pengajian tinggi awam di seluruh Malaysia. Keputusan analisis regresi menunjukkan faktor paling signifikan yang mendorong mahasiswa untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan KOSISWA ialah minat, diikuti oleh pengetahuan tentang koperasi dan pelbagai kemahiran yang dimiliki. Dapatan kajian ini amat berguna kepada pihak-pihak yang berkenaan seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), IPT dan agensi kerajaan bagi menambah baik modul program latihan serta pelan tindakan ke arah meningkatkan aktiviti keusahawanan koperasi pada masa hadapan.*

**Kata Kunci:** *Institusi pengajian tinggi awam, keusahawanan, KOSISWA, tinjauan sampel, analisis regresi, faktor pendorong*



## ABSTRACT

*Institutions of higher learning (IPT) are responsible for enhancing knowledge and skills related to entrepreneurship. Knowledge on entrepreneurship is very useful for future graduates because good education coupled with entrepreneurship skills open up more job and business opportunities to them. This will eventually help ease the unemployment problems faced by graduates. Unfortunately, the actual involvement of public IPT (IPTA) students in entrepreneurial activities is still minimal although student population is large. Thus, this study seeks to identify the attributes of entrepreneurship, factors contributing to entrepreneurial activities and involvement in student co-operatives (KOSISWA) among public university students. Data were collected using a questionnaire survey involving 230 respondents selected from 17 IPTAs throughout Malaysia. The results of the regression analysis show that the most significant motivating factor contributing to students' involvement in entrepreneurial activities in KOSISWA is their interest in co-operative activities, followed by knowledge related to co-operatives and various skills. These findings are useful to stakeholders such as the Ministry of Higher Education (MHE), Ministry of Entrepreneur Development and Co-operatives (MEDAC), universities and government agencies when developing and improving training modules and programmes related to co-operative entrepreneurship in future.*

**Keywords:** *Institution of higher learning, entrepreneurship, KOSISWA, sample survey, regression analysis, motivating factors*

## PENDAHULUAN

Keusahawanan di Malaysia telah bermula sejak zaman Kesultanan Melaka sewaktu penduduk tempatan menjalankan aktiviti perniagaan bersama pedagang asing. Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan antara dasar yang diperkenalkan merupakan Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Dasar Pembangunan Negara (1990-2000), Wawasan 2020 dan lain-lain. Keusahawanan di Malaysia memfokuskan kepada penglibatan Bumiputera dalam bidang keusahawanan sebelum, semasa dan selepas DEB dilancarkan. Pelancaran DEB bertujuan untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam bidang keusahawanan. Matlamat utama DEB adalah untuk memberi tumpuan kepada dua aspek iaitu pembasmian kemiskinan melalui peningkatan pendapatan dan memberi peluang pekerjaan tanpa mengira kaum serta penyusunan semula masyarakat Bumiputera bagi menangani ketidakseimbangan ekonomi antara kaum.

Sejak itu, kerajaan Malaysia mula memberikan perhatian kepada aktiviti keusahawanan sehinggalah ke hari ini. Bagi memperkasakan keusahawanan ini kerajaan telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) sebagai badan khusus untuk menggalakkan perkembangan keusahawanan pada 1995. Malaysia berubah daripada masyarakat bumiputera yang makan gaji kepada masyarakat yang bekerja sendiri. Ini secara tidak langsung menggalakkan masyarakat berniaga dan menjadi usahawan. Sehubungan itu, pelbagai dasar kerajaan diperkenalkan supaya bidang keusahawanan dijadikan pilihan dengan membangunkan minat keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah, universiti dan masyarakat (Bukryman et al., 2008).

Terkini “Malaysia Negara Keusahawanan Unggul 2030” merupakan tema baharu dalam Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) yang telah dilancarkan pada Julai 2019 bermatlamat menggerakkan ekonomi negara. DKN merupakan dasar pertama yang komprehensif dalam menjadikan Malaysia

sebuah negara keusahawanan unggul menjelang 2030. Secara keseluruhan, dasar yang diperkenalkan ini bertepatan khususnya kepada golongan belia atau generasi muda meningkatkan penglibatan dalam bidang keusahawanan. Golongan belia juga perlu berfikiran positif dan berpandangan bahawa bidang perniagaan bukan hanya sebagai sumber pendapatan semata-mata tetapi sebagai pencipta pekerjaan sekali gus memacu ekonomi negara.

Antara medium yang menjadi pemangkin kepada aktiviti keusahawanan ialah melalui penglibatan dalam koperasi. Di Malaysia, pada awalnya koperasi diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah petani di luar bandar yang ditindas oleh orang tengah dan masalah hutang oleh penjawat awam. Pada tahun 1922, Pejabat “Sharikat Bersama-sama Kerja Kerana Bantu Membantu” telah ditubuhkan yang kemudiannya dikenali sebagai koperasi. Penubuhan koperasi bertujuan menggalakkan jimat cermat, tolong menolong, bekerjasama dalam kalangan mereka yang mempunyai keperluan sama.

Sejak koperasi diperkenalkan, terdapat lebih 14 ribu buah koperasi telah ditubuhkan dengan penglibatan anggota seramai 6 juta orang (SKM, 2020). Koperasi disertai oleh golongan wanita, belia, profesional dan lain-lain bagi memenuhi keperluan dan menyelesaikan masalah setempat masyarakat. Dengan adanya koperasi, golongan belia khususnya akan dapat mempelajari banyak pengetahuan dan kemahiran seperti tadbir urus, kewangan, perancangan strategik dan sebagainya. Pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari nanti akan dapat digunakan dalam alam pekerjaan ataupun apabila mereka menjadi seorang usahawan kelak.

Para pelajar boleh menyertai koperasi sekolah untuk memahami perkara berkaitan koperasi. Mereka dilibatkan dalam aktiviti perniagaan sekolah mereka seperti kedai buku, dobi, kafeteria, mesin layan diri dan lain-lain. Bagi mahasiswa pula, mereka berpeluang terlibat dalam koperasi melalui koperasi siswa ataupun KOSISWA yang turut menjalankan aktiviti perniagaan sama seperti koperasi sekolah. Penglibatan pelajar dan mahasiswa dalam koperasi akan memberi nilai tambah seperti *soft skill*, kemahiran mengurus, berkomunikasi dan sebagainya sekali gus memberi peluang untuk meningkatkan peribadi sendiri (Hashim et al., 2021).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Keusahawanan bukanlah sesuatu perkara yang baharu dalam kalangan mahasiswa. Walau bagaimanapun, mereka berpandangan bahawa bidang tersebut tidak memberikan jaminan masa depan yang cerah seperti bekerja makan gaji dalam sektor awam atau pun swasta (Yep Putih, 1985). Justeru pengangguran dalam kalangan siswazah masih berlarutan disebabkan mereka tidak mendapat peluang pekerjaan. Secara asasnya, KPT menyasarkan sistem pendidikan baharu bertujuan menyemai minda usahawan dalam sistem pendidikan tinggi dan mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi melahirkan ‘penjana pekerjaan’ dan bukan ‘pencari pekerjaan’. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Kajian oleh Abdul Said & Razhan (2017) menerangkan bahawa keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang amat penting di Malaysia. Didapati aktiviti keusahawanan sangat penting dalam membantu kebolehpasaran siswazah sekali gus memenuhi hasrat kerajaan untuk melahirkan masyarakat yang progresif dan berpendapatan tinggi. Jabatan Perangkaan Malaysia mentakrifkan siswazah sebagai individu berumur 15 tahun dan lebih dan memperoleh sijil dari universiti, kolej, politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya dua tahun.

**Jadual 1:** Statistik Siswazah Menganggur 2017-2019

Bil	Tahun	Siswazah Menganggur	Kadar Pengangguran (%)
1.	2019	170,300	3.9
2.	2018	161,300	3.9
3.	2017	154,000	4.0

(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2019)

Jadual 1 menunjukkan maklumat bilangan dan peratus pengangguran siswazah. Ini menunjukkan bahawa terdapat pertambahan bilangan siswazah menganggur sepanjang tempoh tiga (3) tahun bermula 2017 sehingga 2019. Didapati kadar peratusan pengangguran siswazah pada 2019 adalah sama dengan tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, kadar bilangan siswazah menganggur di Malaysia naik sebanyak 90,000 orang pada tahun 2019 berbanding tahun sebelumnya. Antara punca dikenal pasti menyebabkan masalah ini ialah peningkatan dalam pengambilan pelajar ke IPT Awam (IPTA) dan IPT Swasta (IPTs).

Daripada segi penglibatan dalam koperasi oleh mahasiswa pula, data daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (2020) menyatakan bahawa keanggotaan siswazah dalam koperasi adalah rendah iaitu 2,598 orang untuk tahun 2017, 2,972 orang untuk tahun 2016, dan 3,445 orang untuk 2015. Ini menunjukkan bahawa perlunya faktor yang mendorong mahasiswa menyertai koperasi untuk dikenal pasti agar penglibatan mereka dalam koperasi dapat dipertingkatkan. Maklumat ini juga penting kerana dengan menggalakkan mahasiswa berkoperasi, ia akan membantu mereka mempelajari ilmu kepimpinan, keusahawanan dan pengurusan sekali gus membantu mereka menjadi usahawan kelak.

Oleh itu, terdapat keperluan agar penyelidikan ini dijalankan. Ini bagi melihat apakah faktor yang mendorong kepada aktiviti keusahawanan koperasi anggota KOSISWA. Ini akan membantu pemegang taruh seperti pihak KPT, MEDAC, pihak IPT dan agensi kerajaan berkaitan untuk merangka pelan tindakan yang komprehensif bagi meningkatkan penglibatan mahasiswa dalam keusahawanan sekali gus mengurangkan kadar pengangguran jika tidak mendapat pekerjaan kelak. Oleh itu, kajian yang melibatkan aktiviti keusahawanan ini amat relevan dan tepat pada masanya.

## **OBJEKTIF**

Objektif kajian ini dicapai melalui objektif berikut:

- i) Menenal pasti faktor-faktor yang mendorong kepada penglibatan mahasiswa dalam aktiviti keusahawanan dalam KOSISWA.
- ii) Menenal pasti faktor utama yang mendorong kepada penglibatan mahasiswa dalam aktiviti keusahawanan dalam KOSISWA.

## SOROTAN KAJIAN

Terdapat banyak sorotan kajian dan kajian lepas yang berkaitan dengan aktiviti keusahawanan. Antaranya ialah:

### **i. Aktiviti Keusahawanan dalam IPT**

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) usahawan ditakrifkan sebagai “orang yang mengusahakan sesuatu perusahaan atau ‘pengusaha’. Pengusaha merujuk kepada pekerjaan secara besar-besaran untuk membuat barang-barang industri atau pekerjaan berniaga secara besar-besaran. Antara kaedah untuk membangunkan ekonomi negara supaya lebih berdaya saing dan berdaya tahan melalui pembudayaan keusahawanan daripada peringkat sekolah menengah ke peringkat IPT. IPT merupakan tempat yang paling sesuai untuk memupuk minda keusahawanan graduan bagi melahirkan lebih ramai usahawan siswazah (Hardy & Razmi, 2014).

Secara umumnya, KPT Malaysia telah mewujudkan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT 2010 bagi tujuan untuk menggalakkan dan memantapkan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang dan holistik dalam kalangan mahasiswa IPT tempatan. Antara inti pati dasar tersebut adalah untuk menubuhkan pusat keusahawanan yang memberi impak tinggi terhadap pembangunan keusahawanan. Tambahan pula, penubuhan pusat keusahawanan ini telah merencanakan aktiviti keusahawanan dalam IPT. Ini meningkatkan kegiatan keusahawanan dan merupakan satu proses memupuk dan melahirkan pelajar untuk berniaga (Husaini et al., 2009).


Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia menghadapi tekanan dan cabaran besar dalam mengharungi persaingan abad ke-21 terutamanya dalam menawarkan peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan. Bagi merealisasikan cita-cita negara, usaha ke arah peningkatan daya saing, produktiviti serta inovasi harus dilaksanakan bagi membangunkan ekonomi negara supaya lebih berdaya saing dan berdaya tahan iaitu melalui pembudayaan keusahawanan daripada peringkat sekolah menengah ke peringkat institusi pengajian tinggi.

Institusi pengajian tinggi merupakan tempat yang paling sesuai untuk memupuk minda keusahawanan graduan bagi melahirkan lebih ramai usahawan siswazah (Hardy & Razmi, 2014). Ini selari dengan kajian oleh Byers (2003) menyatakan bahawa institut pengajian tinggi berupaya membantu pelajar-pelajar dalam bidang keusahawanan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Antaranya melalui penubuhan kelab usahawan untuk pelajar, menerapkan ilmu keusahawanan dalam kurikulum, menganjurkan program seminar dan pelbagai lagi.

Selain itu, kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) adalah dengan menggalakkan pembangunan kurikulum keusahawanan di institusi pengajian tinggi di Malaysia (Ismail Ab. Rahman, 2009). Tujuan utama untuk memberi pendedahan, kesedaran, kemahiran dan pengetahuan berkaitan keusahawanan serta membudayakan keusahawanan dalam diri mahasiswa. Ini dapat dicapai melalui pendidikan dan kurikulum keusahawanan di universiti (Keat et al., 2011). Oleh itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mewajibkan kursus keusahawanan sebagai subjek wajib di universiti awam sejak tahun 2007 atas kesedaran dan kepentingan keusahawanan kepada siswazah

## ii. Pengukuran Ciri Usahawan

Secara umum seseorang individu perlu memiliki ciri usahawan yang baik sebelum menceburi bidang keusahawanan. Kajian oleh Syed Zamberi (2009) mengenal pasti lima belas ciri personaliti meliputi:



Sumber: Syed Zamberi, *Keusahawanan, Teori dan Praktis*. Leeds Publication (2009:9)

**Rajah 1:** Ciri-ciri Personaliti Usahawan

Rajah 1 menunjukkan ciri-ciri personaliti usahawan merangkumi aspek mempunyai inisiatif, dapat melihat dan merebut peluang, mempunyai kecekalan, kemahiran mencari maklumat, mempunyai perancangan sistematik, berorientasikan ke arah kecekalan, mempunyai komitmen pada kerja, mempraktikkan mutu kerja yang tinggi, kreatif dalam menyelesaikan masalah, mempunyai keyakinan diri, ketegasan, dapat meyakinkan orang lain, bertenaga, bermatlamat dan berwawasan serta mempunyai strategi dan pengaruh.

Ciri-ciri usahawan ini dilihat penting untuk dikaji. Maklumat ini akan membantu mahasiswa sama ada mereka memiliki personaliti sebagai seorang usahawan. Amat penting untuk mahasiswa memiliki ciri ini kerana sebagai mahasiswa yang turut menganggotai koperasi, mereka akan dapat mengenal pasti sama ada mereka memiliki ciri yang diperlukan untuk menjadi usahawan yang baik. Sebagai contoh, mereka perlu memiliki ciri seorang usahawan seperti mempunyai perancangan sistematik, kreatif dalam menyelesaikan masalah, pandai merebut peluang dan sebagainya.

Memiliki personaliti seperti ini akan membantu mereka mentadbir dan mengurus koperasi serta menjalankan perniagaan milik koperasi dengan lebih cemerlang. Selain daripada itu, maklumat daripada ciri ini akan memberikan mereka peluang menambah baik kekurangan personaliti untuk menjadi usahawan sekali gus membantu mereka bersedia menjadi usahawan apabila tamat belajar kelak. Akhirnya, kadar pengangguran akan berkurangan jika mereka menjadi usahawan daripada bekerja makan gaji.

## iii. Faktor Pendorong Aktiviti Keusahawanan

Bagi melahirkan seorang usahawan yang berjaya, ia bukan sahaja disebabkan oleh ciri-ciri personaliti tetapi juga dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Menurut Ab. Aziz (2015), beliau menyatakan bahawa seorang usahawan seharusnya memiliki ciri-ciri personaliti semula jadi tetapi turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain seperti kemahiran, pengaruh ahli keluarga dan

pengalaman. Secara umumnya, faktor pendorong tersebut sama ada daripada faktor dalaman individu dan persekitaran (Khaairuddin, 1996).

**a) Faktor Bantuan Kewangan**

Menurut Yahya (2014), terdapat beberapa buah agensi yang bertanggungjawab dalam pembangunan usahawan dan bakal-bakal usahawan Bumiputera di Malaysia iaitu Tabung Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), Majlis Amanah Rakyat (MARA), UDA Holdings Bhd, Bank Pembangunan, SME Bank, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Bank Rakyat, Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK), Institut Koperasi Malaysia (IKM) dan Syarikat Pembangunan Ekonomi Negeri (SEDCs).

**b) Faktor Pengetahuan**

Faktor pengetahuan yang dimiliki oleh usahawan turut dikaji oleh Azmi et al. (2012). Faktor ini dikaji kerana ia mendorong sesebuah PKS itu menjadi mantap dan berjaya. Justeru itu, pengkaji berpendapat bahawa kejayaan sesebuah PKS itu bermula dengan ilmu pengetahuan, iaitu pembelajaran ataupun kemahiran yang dimiliki secara formal ataupun tidak formal. Samerjan (2007) dalam kajiannya pula mendapati bahawa pengetahuan dan kemahiran boleh dipelajari secara formal atau tidak formal.

**c) Faktor Kemahiran**

Menurut Osman (2007) kemahiran merupakan asas penting kepada segala aktiviti pekerjaan yang dilakukan ialah kemahiran. Setiap usahawan memerlukan kemahiran bagi memastikan pengurusan syarikat diuruskan secara sempurna dan secara tidak langsung memastikan usahawan tersebut memahami dan meminati bidang yang diceburinya. Kemahiran keusahawanan merupakan kemahiran penting yang harus dimiliki oleh pelajar sama ada peringkat pengajian rendah atau pengajian tinggi (Othman et al., 2003).

**d) Faktor Minat**

Minat keusahawanan atau kecenderungan dikenal pasti sebagai faktor motivasi yang mempengaruhi individu untuk meneruskan sesuatu usaha keusahawanan (Hisrich et al., 2008). Minat dalam keusahawanan juga boleh didorong oleh sesebuah keluarga yang terlibat dalam perniagaan. Kajian oleh Barjoyai Bardai (2000) menyatakan bahawa kegagalan dalam bidang keusahawanan akan wujud sekiranya tiada minat yang mendalam dimiliki oleh individu tersebut.

**e) Faktor Ganjaran**

Menurut Yep Putih (1985), beliau menyatakan bahawa ganjaran dalam bentuk wang dan pencapaian merupakan dorongan kepada usahawan untuk memulakan perniagaan. Sebaliknya, Charles Banfe (1991) mendapati bahawa 80 peratus daripada usahawan berpandangan ganjaran dalam bentuk pencapaian perniagaan adalah lebih utama berbanding wang atau keuntungan. Kajian yang dijalankan oleh Suaibah et al., (2007) ke atas usahawan wanita yang mendaftar di bawah persatuan atau pertubuhan mendapati mereka akan mendapat ganjaran tertentu seperti bantuan pembiayaan modal.

#### **f) Faktor Dorongan**

Faktor latar belakang usahawan menjadi faktor yang terpenting dalam mendorong seseorang itu menceburi bidang keusahawanan (Zafir & Fazilah, 2003). Latar belakang ini dilihat daripada dua aspek iaitu faktor latar belakang keluarga dan faktor latar belakang akademik. Latar belakang memainkan peranan penting dalam kejayaan setiap usahawan. Latar belakang keluarga yang sememangnya menceburi bidang perniagaan menjadi faktor utama seseorang usahawan itu berjaya.

#### **g) Faktor Teknologi**

Penggunaan Internet dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) mampu memberi kelebihan kepada pengguna dan keusahawanan (Essalaar et al., 2008). Smallbone et al., (2002) menyatakan teknologi berfungsi meluaskan pasaran melalui penyaluran maklumat tentang produk dan berurus niaga dalam talian. Media sosial merupakan aplikasi Internet yang terbaik untuk digunakan oleh usahawan-usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bagi menjalankan aktiviti pemasaran.

#### **h) Faktor Sikap**

Osman (2007) juga ada menyenaraikan beberapa sikap yang perlu ada dalam diri seseorang usahawan yang berjaya iaitu seperti sikap berdikari, kecekalan, kreatif, inovasi, suka akan cabaran, berimpian dan cita-cita, melihat dan merebut peluang, yakin terhadap kemampuan diri, sikap bersemangat tinggi dan bertenaga, rajin dan mempunyai daya inisiatif.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk mengenal pasti demografi, ciri-ciri usahawan, faktor pendorong keusahawanan dan penglibatan dalam keusahawanan koperasi. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif. Bagi kajian ini, pengumpulan data menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Ia melibatkan dua bahagian iaitu demografi responden, ciri-ciri usahawan, faktor pendorong dan penglibatan dalam keusahawanan koperasi. Soal selidik dalam kajian ini dibangunkan oleh penyelidik berdasarkan sorotan literatur dan kajian lepas. Borang soal selidik mengandungi tiga bahagian iaitu :

- i. Bahagian A : Demografi responden.
- ii. Bahagian B : Ciri-ciri usahawan
- iii. Bahagian C : Faktor Pendorong dan Penglibatan dalam Aktiviti Keusahawanan

Penyelidik menggunakan skala likert lima mata untuk mengukur setiap pernyataan item pemboleh ubah yang dikaji. Jadual 3 menunjukkan skala likert lima mata yang digunakan dalam soal selidik kajian ini iaitu (1) Sangat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Neutral, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Unit analisis kajian ini ialah anggota dan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) KOSISWA yang aktif di Seluruh Malaysia. Pemilihan sampel pula dibuat secara bukan rawak dan bersasar kerana penyelidik tidak mempunyai senarai populasi anggota KOSISWA.

Perisian G-Power juga telah digunakan untuk menentukan saiz sampel yang minimum. Dengan menjalankan analisis 'priori' menggunakan perisian G-Power, V3 Software, pengiraan minimum sampel untuk kajian ini telah dilaksanakan. Jumlah sampel yang diperlukan untuk kajian ini hanyalah 160 sahaja. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan responden yang berjaya diperoleh adalah seramai 230 orang.

Selain itu, penyelidikan ini telah menjalankan *pre-test* dan kajian rintis. *Pre-test* melibatkan 12 orang anggota KOSISWA manakala kajian rintis melibatkan 32 orang anggota KOSISWA. Dapatan menunjukkan ujian kebolehppercayaan untuk kesemua pemboleh ubah yang dikaji menunjukkan nilai Cronbach Alpha > 0.6 (Ursachi, Horodnic & Zait, 2015) sekali gus menunjukkan kesemua pemboleh ubah boleh dipercayai dan konsisten.

Daripada segi kutipan data pula, penyelidik telah mendapatkan maklumat responden melalui pos, *drop and collect online* dan temu bual secara bersemuka. Sebanyak 900 borang soal selidik diedarkan kepada responden. Sebanyak 245 soal selidik berjaya dikutip kembali selepas 8 bulan (Jan – Ogos 2020). Walau bagaimanapun, hanya 230 borang soal selidik boleh digunakan untuk dianalisis. Analisis data pula menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 21.0.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan daripada analisis yang telah dijalankan diperincikan seperti berikut:

### A. Demografi Responden

**Jadual 2:** Maklumat Demografi Responden

Bil	Demografi	Bilangan	Peratusan (%)	
1.	Jantina	Lelaki	79	34.3
		Perempuan	151	65.7
2.	Umur	20 tahun ke bawah	45	19.6
		21-25 tahun	173	75.2
		26-30 tahun	6	2.6
		31-35 tahun	1	4
		36-40 tahun	3	1.3
		40 tahun ke atas	2	0.9
3.	Bangsa	Melayu	218	94.8
		Cina	3	1.3
		India	4	1.7
		Lain-lain	5	2.2



4.	Kelayakan Akademik	STPM	18	7.8
		Diploma	61	26.5
		Sarjana Muda	132	57.4
		Sarjana	11	4.8
		Lain-lain	8	3.5
5.	Jawatan dalam Koperasi	Pengerusi	11	4.8
		Setiausaha	6	2.6
		Bendahari	7	3.0
		ALK	45	19.6
		Anggota Biasa	161	70.0
6.	Responden Koperasi Siswa	Koperasi Siswa UMT Bhd	36	15.7
		Koperasi Siswa UIA Gombak Bhd	25	10.9
		Koperasi Siswa UiTM Shah Alam Bhd	25	10.9
		Koperasi Siswa UMP Bhd	20	8.7
		Koperasi Siswa UNISZA Bhd	20	8.7
		Koperasi Siswa UTHM Bhd	19	8.3
		Koperasi Siswa USIM Bhd	14	6.1
		Koperasi Siswa UiTM Merbok Kedah Bhd	15	6.5
		Koperasi Siswa UiTM Pahang Bhd	13	5.7
		Koperasi Siswa UPSI Bhd	12	5.2
		Koperasi Siswa UiTM Samarahan Sarawak Bhd	10	4.3
		Koperasi Siswa UPM Bhd	8	3.5
		Koperasi Siswa USM Kubang Kerian Bhd	4	1.7
		Koperasi Siswa UIA Kuantan Bhd	3	1.3
		Koperasi Siswa UiTM Machang Bhd	2	0.9
Koperasi Siswa UiTM Tapah Bhd	2	0.9		
Koperasi Siswa UiTM Pulau Pinang Bhd	2	0.9		
<b>JUMLAH</b>			<b>230</b>	<b>100</b>

Berdasarkan jadual di atas, analisis mendapati jumlah keseluruhan responden ialah seramai 230 orang. Responden perempuan ialah seramai 151 orang (65.7%) berbanding lelaki 79 orang (34.3%). Julat umur yang paling ramai ialah antara 21-25 tahun (75.2%). Hasil analisis juga mendapati bangsa Melayu merupakan bangsa majoriti merangkumi 94.8% daripada keseluruhan responden. Ini mungkin disebabkan oleh pengambilan pelajar yang didominasi oleh bangsa Melayu di IPTA dan disebabkan responden kajian ialah anggota KOSISWA di IPTA yang majoritinya berbangsa Melayu seperti UiTM, UIA, USIM, UPSI dan lain-lain.

Selain itu, dapatan menunjukkan lebih separuh daripada responden mempunyai kelayakan akademik sarjana muda dan ke bawah (91.7%). Analisis mendapati anggota biasa (70%) merupakan responden tertinggi kajian ini dan mendapati tiga buah universiti KOSISWA yang mempunyai bilangan responden tertinggi iaitu Koperasi Siswa UMT Berhad, Koperasi Siswa UIA Gombak Berhad dan Koperasi Siswa UiTM Shah Alam Berhad. Jumlah responden tertinggi dari tiga buah universiti ini disebabkan oleh komitmen ALK dan anggota koperasi yang memberikan kerjasama yang baik untuk meluangkan masa menjawab borang soal selidik dan ditemu bual oleh pasukan penyelidik.

Selain itu, ibu tunggal juga didapati kurang mendapat sokongan ahli keluarga dalam memastikan sesebuah perniagaan dapat berjalan dengan baik. Sokongan padu dalam kalangan ahli keluarga adalah amat penting untuk memastikan keberhasilan perniagaan yang lebih baik (Sabri & Mohd Khir, 2020). Ibu tunggal mengalami masalah pengurusan keluarga kerana ketika ibu tunggal menghadiri kursus atau program, mereka terpaksa menghantar anak mereka ke rumah jiran, keluarga lain dan sebagainya. Masalah ini menjadi lebih rumit sekiranya terdapat dalam kalangan anak-anak mereka yang masih kecil atau menghidap penyakit kronik. Oleh itu, bagi mengelakkan sebarang masalah yang lebih rumit berlaku, mereka cenderung untuk tidak menghadiri program yang dianjurkan dan ini menjadi kerugian besar kepada mereka (Idris & Selvaratnam, 2012). Ibu tunggal dalam kalangan asnaf zakat juga sukar menghadiri kursus kerana bilangan anak yang ramai dan sukar untuk mencari penjaga. Adakalanya mereka terpaksa menghadiri kursus dan membawa anak masing-masing, sehingga didapati mengganggu kelancaran perjalanan program tersebut (Mohd Balwi et al., 2015). Selain itu, ibu tunggal didapati bergantung kepada orang lain menyebabkan pergerakan turut terbatas untuk mereka menghadiri program-program yang berkaitan keusahawanan, di samping lokasi yang agak jauh dari kediaman mereka (Sabri & Mohd Khir, 2020).

Masyarakat juga merupakan satu aspek yang turut berperanan dalam menentukan kejayaan untuk membangunkan asnaf. Kurangnya sokongan daripada masyarakat akan menyebabkan timbul rasa kurang yakin terhadap diri sendiri untuk mengubah nasib diri dan keluarga. Oleh itu, para asnaf akan mengambil keputusan untuk tidak menghadiri program yang telah dirancang untuk mereka (Mohd Balwi et al., 2015). Terdapat juga alasan ibu tunggal tidak mengikuti program yang dianjurkan adalah kerana tidak bersesuaian dengan peringkat usia. Selain itu, program yang dianjurkan juga ada kalanya mengambil masa yang terlalu singkat sehinggakan penyampaian maklumat tidak dapat diaplikasikan dengan betul. Masalah pengendalian program juga berlaku disebabkan pengendali program kekurangan ilmu pengetahuan untuk menguruskan sesuatu program atau kursus. Hal ini mengakibatkan ibu tunggal tidak berminat untuk menyertai program.

Masalah jarak turut menjadi punca ibu tunggal tidak dapat hadir ke program yang diadakan (Idris & Selvaratnam, 2012). Kesilapan memilih tempat bagi menjayakan program yang diadakan telah menyebabkan perjalanan aktiviti yang telah dirancang terjejas kerana bilangan kehadiran peserta kursus yang dipanggil tidak mencapai sasaran program (Mohd Balwi et al., 2015). Masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal ini telah menjadi faktor yang menghalang kepada pencapaian objektif tersebut. Masalah ini juga jika tidak diatasi dengan segera, berkemungkinan besar akan menggugat penyertaan daripada ibu tunggal pada masa akan datang (Idris & Selvaratnam, 2012).

Md Ali et al. (2004) turut mendapati bahawa terdapat empat faktor kegagalan ibu tunggal dalam bidang perniagaan yang tertinggi iaitu:

- i. kurang pengetahuan dalam teknik penjualan dan pemasaran;
- ii. tiada kemahiran membuat keputusan dengan berkesan dan tidak dapat menimbang dan menilai peluang perniagaan;
- iii. tiada kesungguhan, azam dan ketekunan dalam menjalankan perniagaan; dan
- iv. tidak dapat memahami keperluan pelanggan dalam pasaran.

Cabaran ibu tunggal selepas bergelar usahawan seterusnya adalah dari sudut pendidikan, kemahiran dan latihan. Ibu tunggal kurang mendapat latihan dan pendedahan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan keusahawanan dan perniagaan seperti pemasaran, pembangunan produk, kawalan mutu, teknologi pengeluaran yang canggih, pengurusan perniagaan, pengurusan kewangan, perniagaan import eksport, cara memohon lesen perniagaan, cara membuat pinjaman, motivasi dan keyakinan diri. Masalah ini bukan sahaja dihadapi oleh wanita bandar tetapi juga wanita luar bandar yang terlibat dan perusahaan mikro, industri kecil-kecilan yang berasaskan pertanian dan industri pelancongan tani (Roddin et al., 2010). Selain itu, ramai dalam kalangan peserta kursus terdiri daripada kalangan mereka yang berpendidikan rendah yang tidak dapat membaca, menulis dan mengira. Hal ini dapat memberi kesan kelancaran program yang dijalankan apabila mereka tidak dapat mengikuti perjalanan kursus dengan baik. Ramai peserta tidak dapat melaksanakan perkara-perkara asas seperti mengisi borang-borang yang disediakan (Mohd Balwi et al., 2015).

Cabaran lain seperti sikap malas, pemikiran dan kesihatan yang lemah, kurang minat belajar dan kurang berdisiplin juga menjadi cabaran kepada usahawan. Selain itu, mereka kurang mendapat pendedahan luar yang mencukupi dan mempunyai pergaulan yang agak terbatas. Ini menyebabkan mereka tidak berwawasan dan tidak mampu melihat perubahan yang boleh berlaku pada kehidupannya melalui pendidikan yang diberikan (Mohd Balwi et al., 2015).

## SOROTAN KAJIAN

Koperasi ditakrifkan sebagai; pertama, syarikat yang dianggotai dan diuruskan oleh sekumpulan orang untuk menjalankan kegiatan ekonomi (perniagaan dan sebagainya), dengan faedah dan keuntungannya dikongsi bersama; Kedua, perihal bantu-membantu dan kerjasama. Manakala, perkataan berkoperasi ditakrifkan sebagai berusaha dengan cara bekerjasama iaitu saling bantu-membantu (Kamus Dewan, 2016). Koperasi adalah suatu pertubuhan yang terdiri daripada individu-individu sahaja yang matlamatnya ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi boleh didaftarkan di bawah seksyen 4 (1) Akta Koperasi 1993 sebagai koperasi asas.

Koperasi dalam bahasa Arab pula disebut sebagai *Ta'awuniyyah* yang bermaksud saling membantu. Ini selaras dengan tanggungjawab manusia sebagai seorang khalifah iaitu tolong-menolong dalam perkara yang baik dan meninggalkan perkara yang dilarang oleh Allah SWT (Stapah @ Salleh, 2014). Tolong-menolong dalam perkara baik dan meninggalkan perkara yang dilarang dapat dilihat melalui perkembangan koperasi yang Islamik dan secara tidak langsung dapat membantu mengatasi masalah kewangan dalam kalangan anggota dan masyarakat melalui penghapusan perniagaan berunsurkan riba (Ab Ghani et al., 2020). Koperasi gerakan Islam mendapati koperasi turut memainkan peranan dalam penyampaian dakwah melalui ekonomi yang berlandaskan hukum yang ditetapkan oleh Al-Quran dan sunnah. Salah satu pendekatan koperasi gerakan Islam dalam



dakwah adalah memberi khidmat nasihat dan bimbingan keusahawanan kepada para usahawan dan bakal-bakal usahawan supaya lahir usahawan-usahawan dalam kalangan umat Islam yang berjaya (Ab Ghani et al., 2020).

Penubuhan koperasi bertujuan untuk mewujudkan keadilan sosial dan ekonomi dengan menghapuskan eksploitasi dan penindasan terhadap anggota masyarakat yang lemah. Selain itu, penubuhan koperasi adalah untuk memenuhi keperluan dan mengatasi permasalahan individu iaitu anggota koperasi dengan cara bergabung beramai-ramai, tolong-menolong dan berpakat. Maka, berdasarkan dapatan soroton kajian, objektif kedua kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan koperasi terhadap ibu tunggal. Dalam menyatakan peranan koperasi, kajian ini memberi fokus kepada peranan koperasi secara umum dan peranan koperasi ibu tunggal secara khusus.

### **Peranan Koperasi Terhadap Ibu Tunggal**

Taraf hidup dan sosioekonomi komuniti ibu tunggal ketinggalan berbanding dengan penduduk Malaysia yang lain. Namun begitu, perniagaan ibu tunggal yang mempunyai visi dan misi untuk mengembangkan ekonomi luar bandar dan memperbaiki sosioekonomi anggotanya masih mempunyai banyak harapan (Idris & Ishak, 2003). Kepentingan koperasi telah diakui melalui pengisytiharan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2012 sebagai Tahun Koperasi Antarabangsa. Koperasi telah menyumbang secara signifikan dalam mobilisasi dan pengagihan modal kewangan dengan mewujudkan peluang pekerjaan, peluang menjana pendapatan untuk anggota dan komuniti, serta membantu mengurangkan ketidaksamaan sosial (Joseph & Omona, 2018). Tertubuhnya koperasi akan meningkatkan keusahawanan dalam kalangan wanita yang mana koperasi akan menjadi platform kepada usahawan meningkatkan tahap pengetahuan untuk kekal berdaya saing dalam bidang keusahawanan (Wan Idris, 2019).

Justeru, bagi meningkatkan kesedaran berkoperasi dalam kalangan ibu tunggal, terdapat pelbagai kempen yang dijalankan oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) antaranya menggalakkan penubuhan koperasi di pinggir bandar bagi menggerakkan ekonomi setempat. Program seperti *Coop Care* diwujudkan untuk menggalakkan penduduk dan komuniti menubuhkan koperasi komuniti berasaskan peruncitan kerana mempunyai pelanggan sedia ada yang merupakan pengguna barangan keperluan harian.

Keadaan kewangan koperasi memainkan peranan utama bagi membolehkan aktiviti koperasi dijalankan. Masalah kewangan timbul disebabkan jumlah sumbangan modal yang sedikit daripada anggota koperasi kerana mereka mempunyai tahap kesedaran yang rendah mengenai kepentingan sumbangan modal dan berasa tidak yakin untuk melabur di koperasi (Noordin et al., 2016). Tidak dapat dinafikan bahawa koperasi tidak dapat menjalankan program atau aktiviti perniagaan kerana kekangan sumber. Namun, jika sentiasa mengharapkan bantuan kerajaan bukanlah jaminan kejayaan berbanding sikap dan nilai. Usahawan ibu tunggal tidak boleh terlalu bergantung pada subsidi dan bantuan kerajaan untuk bertahan dan bersaing di era Revolusi Industri ke-4 (Ayob, et al., 2016). Walaupun terdapat banyak sokongan dan saluran yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu ibu tunggal dalam bidang keusahawanan, masih ramai ibu tunggal yang tidak berjaya sebagai usahawan. Mereka hanya bergantung pada bantuan dan sokongan kerajaan. Oleh itu, ramai ibu tunggal yang masih hidup dalam kemiskinan (Roddin et al., 2010).

ALK mempunyai tanggungjawab dan peranan penting dalam memastikan kecekapan kewangan koperasi sesuai dengan keperluan gerakan koperasi. Hanya dengan pengurusan yang cekap

akan ada gerakan koperasi yang kuat yang benar-benar menolong diri sendiri dan perusahaan perniagaan yang bebas. Anggota yang gagal memikul tanggungjawab mereka kepada koperasi akan menghancurkan organisasi tersebut (Lajuni et al., 2019).

Antara faktor boleh menyumbang kepada prestasi koperasi yang tidak baik dalam prestasi bukan kewangan adalah;

- i. Kurang kemahiran keusahawanan dan pengurusan. Latihan dan pendidikan adalah elemen penting untuk meningkatkan keberkesanan koperasi. (Azmi & Yacob, 2015). Kemampuan berkongsi pengetahuan juga penting kerana kurangnya perkongsian pengetahuan boleh menyebabkan ketidakupayaan organisasi untuk terus berdaya saing (Abdul-Jalal et al., 2013).
- ii. Isu tahap penyertaan rendah oleh anggota dalam sebarang aktiviti oleh koperasi. Mereka hanya berminat untuk menyertai aktiviti yang secara langsung memberi manfaat ekonomi kepada keluarga mereka (Noordin et al., 2016). Justeru, koperasi disyorkan untuk mengadakan mesyuarat dengan lebih kerap dan menjadualkan mesyuarat agung tahunan mereka (Md. Yusop, 2016). Selain itu, koperasi harus mengambil tindakan sewajarnya seperti meningkatkan kemampuan ALK dalam menetapkan matlamat yang jelas, keperibadian berorientasikan keadaan, pengetahuan dalam perancangan, pengetahuan dalam pengurusan, dan juga motivasi diri yang tinggi. Oleh itu, koperasi mempunyai potensi besar untuk berkembang dan cemerlang (Mustapa et al., 2015).

Memandangkan prestasi kewangan dan bukan kewangan koperasi ibu tunggal di Semenanjung Malaysia belum di tahap yang memberangsangkan, maka kajian ini akan memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi koperasi ibu tunggal di semenanjung Malaysia, yang juga merupakan objektif ketiga kajian ini.

## METODOLOGI

Kajian ini dilakukan melalui kaedah kualitatif. Ia melibatkan 23 buah koperasi dari jumlah 28 buah koperasi ibu tunggal yang berdaftar dengan SKM di Semenanjung Malaysia. Senarai koperasi dirujuk pada 30 September 2017. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif temu bual terperinci untuk mendapatkan data daripada responden. Penentuan responden adalah melalui teknik *purposive sampling* dan *snowball*. Kedua kaedah ini digabungkan untuk mendapatkan sebanyak mungkin data temu bual.

Teknik pengambilan sampel untuk pengumpulan data dan jumlah informan bergantung pada ketepuan data yang diperoleh dari setiap responden. Ini bermaksud pengkaji akan terus meningkatkan jumlah responden selagi data yang diperoleh tidak mencapai tahap ketepuan teori yang tidak ada data baru dan maklumat akan diperoleh dengan pertambahan jumlah responden (Md Sum, 2013). Kaedah pensampelan bertujuan digunakan dalam temu bual dengan Pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Negeri. Kajian ini memilih Pegawai SKM Negeri sebagai informan utama kerana pengkaji mendapati bahawa data yang diperoleh dari ibu pejabat SKM mengenai koperasi ibu tunggal yang aktif atau tidak aktif tidak cukup untuk menggambarkan profil koperasi ibu tunggal, jumlah bahagian dan kutipan yuran, jumlah keanggotaan, jumlah perolehan koperasi dan sebagainya. Pada masa yang sama, pegawai SKM yang dipilih adalah pegawai yang mengawasi dan memantau operasi, aktiviti, dan pengurusan koperasi ibu tunggal. Oleh

itu, hasil kajian ini mempunyai kebolehpercayaan dan pengesahan data temu bual ibu tunggal yang tinggi. Walau bagaimanapun, ada juga pegawai yang tidak dapat bekerjasama kerana faktor data sulit dan peribadi, dan perkara ini telah dipersetujui dengan koperasi untuk tidak dikongsi dengan pihak ketiga.

Oleh kerana terdapat keperluan bagi pengkaji untuk melanjutkan temu bual bagi mendapatkan pengesahan permasalahan yang dikaji, maka pengkaji telah menggunakan kaedah *snowball* pada responden seterusnya. Kaedah *snowball* bermaksud maklumat yang diberikan oleh informan utama yang seterusnya memperkenalkan pengkaji kepada informan seterusnya (Abdul Rahim, 2016). Kaedah *snowball* digunakan untuk menemu bual beberapa ibu tunggal yang menjadi anggota koperasi, di bawah keperluan data dan kesediaan responden untuk ditemu ramah mengenai masalah yang dikaji.

Pada peringkat awal, pengkaji harus menentukan informan utama yang boleh ditemu bual secara bersemuka atau berinteraksi secara dalam talian. Temu bual bersemuka kali pertama adalah temu bual bersama Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Perak sedang berlangsung di Pejabat Negeri SKM Perak. Kemudian, diikuti dengan temu bual bersemuka dengan pegawai SKM di Pejabat Negeri Selangor SKM. Pengkaji melakukan temu bual melalui telefon dengan beberapa pegawai lain kerana kekangan dari pegawai SKM dan pengkaji sendiri, seperti jarak lokasi dan masa. Maka, perbualan temu bual tersebut telah dirakam untuk tindakan selanjutnya.

Di samping itu, temu bual secara dalam talian dijalankan dengan kerjasama beberapa informan lain dalam kalangan ibu tunggal. Mereka terdiri daripada bekas pengurus dan pengasas koperasi, anggota lembaga koperasi, dan anggota koperasi yang tidak aktif. Temu bual bersemuka tidak dapat dilakukan disebabkan faktor lokasi responden dan masalah keselamatan kedua-dua belah pihak. Pada masa yang sama, para informan tidak dapat memenuhi janji kerana kebanyakan mereka adalah bekas anggota jawatankuasa tertinggi koperasi dan mempunyai komitmen kerja lain. Mereka tidak lagi berkhidmat dengan koperasi ibu tunggal secara sepenuh masa. Pengkaji mendapati ramai dalam kalangan anggota koperasi ibu tunggal daripada koperasi yang tidak aktif, enggan bekerjasama kerana takut berkongsi data sulit dan peribadi. Maka, atas alasan tersebut dan persetujuan kedua-dua belah pihak, temu bual dilakukan secara dalam talian melalui telefon.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, kajian ini telah mengesan 14 buah koperasi ibu tunggal berstatus tidak aktif daripada sejumlah 23 koperasi ibu tunggal di Semenanjung Malaysia. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan membantu koperasi ini dengan memberi mereka bimbingan bagi membantu mereka menghidupkan semula perniagaan mereka. Sebilangan koperasi tidak menyerahkan laporan penuh mengenai pergerakan mereka, termasuk dari segi pengurusan, laporan kewangan dan aktiviti. Namun, usaha menolong koperasi yang tidak aktif ini penting kerana ada koperasi ibu tunggal yang masih berniaga tetapi belum mengemukakan laporan kewangan dan aktiviti.

Kajian ini mendapati bahawa 61% daripada jumlah koperasi di Semenanjung Malaysia adalah tidak aktif sementara hanya 39% koperasi yang masih aktif. Dari peratusan koperasi ibu tunggal aktif, jadual 1 menunjukkan senarai nama koperasi yang dicatatkan dengan status aktif. Koperasi ini mempunyai potensi yang lebih tinggi untuk berjaya berbanding dengan koperasi yang tidak aktif.

**Jadual 1:** Koperasi Ibu Tunggal Berstatus Aktif Sehingga 2018

<b>Bil.</b>	<b>Nama Koperasi</b>	<b>Tarikh ditubuhkan</b>
1	Koperasi Ibu Tunggal Lenggong Berhad, Perak	14 Julai 2017
2	Koperasi Ibu Tunggal Cempaka Biru Daerah Gombak & Petaling Berhad, Selangor	29 Jun 2009
3	Koperasi Ibu Tunggal Felda Bukit Kepayang Bera Berhad, Pahang	18 Januari 2013
4	Koperasi Ibu Tunggal Paya Besar Berhad, Pahang	3 April 2015
5	Koperasi Ibu Tunggal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Berhad, Wilayah Persekutuan	19 Julai 2012
6	Koperasi Ibu Hati Waja Langkawi Berhad, Kedah	1 April 2016
7	Koperasi Ibu Bestari Melaka Berhad, Melaka	23 Mac 2009
8	Koperasi Permodalan Kelantan Berhad, Kelantan	2 Oktober 2015
9	Koperasi Pertubuhan Ibu Tunggal CARE, Johor	1 April 2013

*Sumber: Temu bual dengan pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)*

Satu siri temu bual dilakukan melalui temu bual secara bersemuka dengan pegawai SKM di Perak dan Selangor. Kemudian diikuti dengan temu bual melalui telefon dengan pegawai SKM Pahang, Kuala Lumpur, Kedah, Melaka, Kelantan, dan Johor. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memperoleh maklumat lengkap tentang aktiviti beberapa koperasi, kerana responden tidak bersetuju untuk berkongsi data atau menceritakan masalah yang mereka hadapi. Pada masa yang sama maklumat koperasi yang tidak aktif adalah sulit dan persendirian.

Jumlah koperasi ibu tunggal yang tidak aktif di Malaysia lebih tinggi daripada koperasi yang aktif. Penemuan awal ini menunjukkan bahawa koperasi ibu tunggal menghadapi banyak kekangan yang mempengaruhi prestasi mereka yang kurang memuaskan. Pada masa yang sama, pengkaji juga menghadapi cabaran dalam mendapatkan kerjasama koperasi ibu tunggal. Responden yang tidak bekerjasama akan memberikan implikasi terhadap ukuran sampel yang terlalu kecil. Berdasarkan kajian ini, ukuran sampel yang lebih besar dapat menghasilkan hasil yang lebih tepat. Terdapat pelbagai sebab yang boleh menyebabkan responden tidak bekerjasama seperti; takut terlibat, marah kerana diketepikan, bersikap defensif, bersalah atas sesuatu, enggan memberitahu rakan kerja atau rakan, gelisah kerana terpaksa mengambil bahagian dalam penyiasatan dan bimbang tentang potensi pembalasan (Graham, 2017). Oleh itu, pengkaji ingin mencadangkan supaya koperasi ibu tunggal melantik beberapa kakitangan pengurusan atau wakil dalam kalangan ALK untuk berkomunikasi dengan orang ramai tentang latar belakang koperasi, aktiviti koperasi dan sebagainya, supaya masyarakat sedar akan kewujudan koperasi ibu tunggal dan bersedia untuk membantu jika diperlukan.

Selari dengan objektif kajian ini iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi koperasi ibu tunggal, maka maklumat temu bual telah dianalisis. Analisis kajian menunjukkan bahawa banyak faktor menyumbang kepada prestasi tidak memuaskan koperasi ibu tunggal. Memandangkan peratusan koperasi tidak aktif lebih tinggi daripada koperasi aktif; maka kajian ini memberi

tumpuan kepada faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi tidak memuaskan di koperasi yang tidak aktif. Analisis menunjukkan bahawa tiga faktor utama dianggap penting dalam mempengaruhi prestasi koperasi ibu tunggal tidak aktif di Semenanjung Malaysia. Ketiga-tiga faktor tersebut merangkumi sumber kewangan yang terhad, ketidak cekapan pengurusan, dan penglibatan anggota dalam aktiviti koperasi. Responden kajian ini terdiri daripada pegawai SKM yang menyelia koperasi ibu tunggal dan para informan daripada koperasi ibu tunggal.

### **Sumber Kewangan yang Terhad**

Sebilangan besar koperasi ibu tunggal yang tidak aktif mempunyai sumber yang terhad untuk mengendalikan organisasi dan mengatur program koperasi. Majoriti anggota koperasi membayar yuran masuk dan saham minimum. Informan 5 memaklumkan:

*Anggota Koperasi Ibu Majoriti HWLB membayar yuran masuk dan saham minimum. Terdapat 20 orang anggota yang hanya membayar saham minimum. Oleh itu, mereka yang tidak membayar yuran masuk atau saham minimum, tidak akan dianggap sebagai anggota koperasi dan tidak berhak mendapat keuntungan. Mereka juga tidak layak untuk menghadiri mesyuarat agung tahunan. Pada masa yang sama, kami telah menasihati koperasi untuk mengurangkan yuran keanggotaan yang diperlukan RM300 kepada kurang daripada jumlah itu kerana ibu tunggal tidak mampu membayar jumlah tersebut. Apabila yuran keanggotaan tinggi, orang tidak berminat untuk menyertai koperasi. Dalam keadaan sekarang, koperasi mempunyai jumlah modal saham yang terhad menyebabkan kesukaran untuk melakukan program. Akhirnya, kami diberitahu bahawa koperasi tersebut telah menjalankan program tanpa persetujuan daripada lembaga (ALK). Pada masa yang sama, dana dan perbelanjaan tidak dicatat dan ini mengakibatkan kesulitan dalam menyiapkan dokumen untuk tujuan audit. (Informan 5)*

Program survival penting untuk memastikan koperasi terus aktif setelah satu tahun ditubuhkan. Jika tidak, koperasi dikategorikan sebagai tidak aktif. Oleh itu, kedudukan kewangan koperasi adalah perlu diberi perhatian. Ini selari dengan dapatan kajian (Noordin et al., 2016) yang menyatakan bahawa keadaan kewangan koperasi memainkan peranan utama bagi membolehkan aktiviti koperasi dijalankan. Masalah kewangan timbul disebabkan jumlah sumbangan modal yang sedikit dari para anggotanya kerana para anggota mempunyai tahap kesedaran yang rendah mengenai pentingnya sumbangan dan berasa tidak yakin untuk melabur di koperasi.

Faktor lain yang menjadikan sumber kewangan terhad adalah koperasi tidak mendapat bantuan kerajaan atau agensi berkaitan koperasi. Kajian ini mendapati sebilangan besar koperasi yang aktif dan tidak aktif bergantung kepada bantuan dan penajaan untuk mengendalikan organisasi dan menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Menurut informan,

*Koperasi Ibu Tunggal dan Wanita PSB (bukan nama sebenar) tidak mempunyai anggota koperasi sejak mendaftar koperasi. Latar belakang mereka adalah sebuah pertubuhan politik. Mereka telah mengemukakan kepada SKM proposal produk industri kecil dan menengah. Projek mereka juga dari program parti politik. Koperasi memerlukan program baru untuk anggota mereka tetapi sebaliknya mereka menjalankan aktiviti berpolitik. Semasa mendaftar, mereka mempunyai 50 calon anggota dalam senarai, akan tetapi mereka tidak mengumpulkan*

*yuran pendaftaran atau saham. Adalah sukar untuk mendapatkan kepercayaan anggota untuk membayar saham apabila koperasi tidak mempunyai aktiviti. Kadang-kadang, kita terfikir, pada awalnya mereka ingin menubuhkan koperasi kerana pada masa itu mereka mungkin mempunyai niat untuk meminta bantuan kerajaan. Tetapi ketika mereka tidak mendapat bantuan, semua orang diam. (Informan 6)*

*Koperasi aktif tetapi pada masa ini tidak ada aktiviti kerana kekurangan sumber kewangan. Program sebelumnya ditaja oleh pejabat parlimen (kerajaan tempatan) untuk 900 orang ibu tunggal. Koperasi ini ditubuhkan dengan modal saham yang disumbangkan oleh pemerintah tempatan. Setiap ibu tunggal menerima sejumlah RM50.00 dalam bentuk modal saham koperasi. Baki RM50.00 telah dibayar oleh ibu tunggal. Jumlah bahagian adalah RM100.00. Tujuan pembukaan koperasi adalah menjual produk ibu tunggal. Saya telah menasihati koperasi untuk mempromosikan keanggotaan secara aktif kerana wang tersebut telah diterima dari bantuan kerajaan. Perbelanjaan dan pendapatan koperasi sangat rendah. Oleh itu, mereka mengira sesi audit akan dilakukan dengan cepat. Saya telah mengesahkan bahawa 900 ibu tunggal dikira berdasarkan data parlimen. Bagaimanapun, jumlah anggota koperasi adalah 60 orang. (Informan 8)*

*Kami mengandaikan bahawa jika bantuan sumber dana diberikan kepada ibu tunggal tertentu dalam bentuk kewangan, ia akan mendorong anggotanya untuk terlalu bergantung pada bantuan kerajaan. (Informan 1)*

Walaupun pelbagai kemudahan dan bantuan diberikan dalam bentuk peralatan kewangan dan kemudahan, ramai ibu tunggal gagal dalam perniagaan mereka kerana terlalu bergantung kepada agensi kerajaan. Sebaliknya, rakan kongsi yang berjaya dan berdaya saing tidak bergantung kepada bantuan kerajaan atau penaja. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Ayob et al. (2016) yang menyatakan bahawa walaupun bantuan kerajaan diperlukan kerana kekangan sumber kewangan perniagaan, namun terlalu banyak kebergantungan pada bantuan kerajaan bukanlah jaminan kejayaan. Usahawan ibu tunggal tidak boleh terlalu bergantung pada subsidi dan kerajaan untuk bertahan dan bersaing di era revolusi industri ke-4.

### **Pengurusan Tidak Cekap**

Dalam mengakses kesan ketidak cekapan pengurusan terhadap pertumbuhan koperasi ibu tunggal, analisa kajian ini meneliti sejauh mana kecekapan pengurusan mempengaruhi pertumbuhan perniagaan kecil. Kajian ini mendapati, terdapat koperasi ibu tunggal yang kini tidak lagi aktif, yang pada awalnya menjalankan aktiviti berpersatuan dan kemudian menubuhkan koperasi atas kesedaran koperasi sebagai platform untuk membangunkan ekonomi dan sosial ibu tunggal.

Menurut informan 2,

*Ibu tunggal memerlukan perhatian dan bimbingan. Koperasi ibu tunggal ini pada mulanya berasal dari persatuan ibu tunggal. Persatuan ini mengusahakan program mereka dengan ketua jabatan (parti politik) dan akhirnya menubuhkan*

*koperasi. Mereka percaya bahawa koperasi adalah platform untuk mereka mendapatkan sumber pendapatan. Persatuan ini adalah untuk urusan kesejahteraan sosial anggota.*

Data temu bual ini menunjukkan adanya kesedaran dalam kalangan anggota koperasi tentang potensi koperasi dalam menyejahterakan anggota koperasi, namun disebabkan pengurusan koperasi yang kurang cekap, maka matlamat berkoperasi tidak tercapai.

Dari perspektif pengurusan koperasi ibu tunggal, ALK kebanyakannya dalam kalangan wanita berumur di bawah 50 tahun, dengan kebanyakan pengerusi, setiausaha, dan bendahari mempunyai sedikit pengalaman sebagai ALK. Keadaan ini telah mendedahkan koperasi kepada masalah kewangan koperasi. Beberapa informan 1 dan informan 2 memaklumkan bahawa,

*Beberapa koperasi diketuai oleh lembaga yang tidak cekap. Majoriti koperasi ibu tunggal mempunyai sejumlah kecil modal dan diuruskan secara sukarela oleh lembaga koperasi yang tidak mempunyai kemahiran mengurus. Akibatnya, majoriti koperasi ibu tunggal tidak mahir dalam menangani masalah sumber kewangan perniagaan mereka dan mereka bergantung pada peluang dan bantuan daripada kerajaan. (Informan 1)*

*Pada awalnya, koperasi tidak mempunyai panduan untuk menjalankan koperasi. Sebilangan besar ahli sibuk dengan aktiviti lain. Pengerusi mengatakan bahawa dia tidak dapat mengendalikan koperasi dengan hanya beberapa lembaga koperasi. (Informan 2)*

Sebilangan ibu tunggal tidak mahir menguruskan sumber kewangan perniagaan mereka. Kemudian, latihan koperasi dihadiri oleh pengurus tetapi bukan ALK koperasi mereka. Oleh itu, pengetahuan ALK tidak bertambah baik. Barisan kepimpinan koperasi ibu tunggal yang tidak mempunyai pengetahuan perniagaan seperti teknik penjualan, perkhidmatan dan pemasaran produk; dan pengembangan perniagaan akan mendedahkan koperasi mereka kepada perancangan perniagaan yang tidak betul dan risiko ketidak patuhan Akta Koperasi 1993. Menurut Informan 5 dan 7,

*SKM telah menasihati lembaga untuk mengubah cara pengurusan kerana mengurus persatuan tidak boleh sama dengan menguruskan koperasi kerana peraturan yang ditetapkan dalam Akta Koperasi. Mereka harus mematuhi peraturan itu. (Informan 5)*

*Kurangnya latihan dan pendedahan mengenai aspek yang berkaitan dengan keusahawanan dan business koperasi seperti pemasaran koperasi, pengembangan produk, pengendalian mutu, pentadbiran perniagaan, pengurusan kewangan, dan pengembangan business dalam kalangan ALK telah menyebabkan koperasi membuat perancangan yang tidak betul. Kurang kefahaman tentang Akta Koperasi dalam kalangan ALK akan menyebabkan pelanggaran undang-undang kecil koperasi. (Informan 7)*

Oleh itu, kemahiran ALK koperasi ibu tunggal perlu ditambah baik terutama dalam kemahiran pengurusan pentadbiran dan kewangan koperasi. Ini selari dengan kajian Mustafa et al. (2015) yang menyatakan ALK perlu menetapkan matlamat yang jelas, keperibadian berorientasikan keadaan,

pengetahuan dalam perancangan, pengetahuan dalam pengurusan, dan juga motivasi diri yang tinggi. Dengan itu, koperasi akan mempunyai potensi besar untuk berkembang dan cemerlang.

Selain itu, kurang kemahiran pengurusan koperasi menyebabkan ALK koperasi tidak dapat meneruskan koperasi setelah kematian pengerusi atau pengerusi tersebut mengundur diri. Berdasarkan temu bual bersama para informan, pengkaji dimaklumkan bahawa;

*Kertas kerja mengenai projek koperasi ibu tunggal telah dimulakan pada tahun 2010. Terdapat 25 hingga 30 orang di koperasi ini. Sebilangan besar anggota adalah ibu tunggal yang berniaga dari rumah; membuat makanan ringan tradisional (kerepek), kraftangan, coklat buatan sendiri, kuih tradisional dan, biskut. Projek ini berada di bawah Jabatan Pembangunan Wanita. Pengarah jabatan adalah orang yang mencadangkan kepada kumpulan ibu tunggal untuk menubuhkan koperasi. Terdapat 20 orang ibu tunggal dihantar ke KEMAS untuk mengambil Sijil Kemahiran Tahap 1. Koperasi juga keluar dan memasarkan produk di Seberang Jaya. Koperasi ini sangat aktif di Lubuk Sireh, terutama pada hari terbuka. Mereka mempunyai banyak projek tetapi setelah ketua mengundurkan diri dan ketua baru mengambil masa lebih dari 2 tahun, mereka tidak pasti apa yang berlaku seterusnya. Pengurusan baru mendapat projek baru yang disokong sepenuhnya oleh geran kerajaan. Tetapi projek itu tidak berjaya dan akhirnya koperasi dihentikan selepas 3 tahun. (Informan 10)*

*Koperasi masih aktif dan menyewa pejabat. Operasi koperasi ini dijalankan oleh anggota koperasi sendiri tanpa ketua kerana ketua telah mengundurkan diri. (Informan 3)*

*Koperasi ini tidak lagi beroperasi kerana ketua telah meninggal dunia. SKM tidak dimaklumkan mengenai perkara ini. Ketika pertama kali kami merancang untuk membuka koperasi, terdapat banyak ibu tunggal bersama dalam projek ini tetapi kerana kekangan belanjawan dan kami tidak dapat menerima sumbangan, kami harus menghentikan operasi. (Informan 9)*

*Koperasi masih aktif namun tiada aktiviti. Ketua koperasi telah terkorban dalam kemalangan dan koperasi diserahkan kepada pengurusan baru. (Informan 6)*

### **Penglibatan Anggota Koperasi dalam Aktiviti**

Dalam aspek penglibatan anggota koperasi dalam aktiviti koperasi, kajian ini mendapati terdapat dalam kalangan anggota koperasi ibu tunggal yang mempunyai sikap negatif seperti tidak bekerjasama, sukar untuk berkomitmen, dan tidak bersedia mendengar nasihat yang baik, dan akhirnya memberi kesan kepada prestasi tidak baik koperasi. Menurut informan 11;

*Terdapat ibu tunggal yang terlalu individualistik. Ibu tunggal telah diberi latihan kemahiran, tetapi mereka menjalankan perniagaan mereka sendiri. Produk tersebut dipasarkan dalam jumlah kecil melalui kumpulan WhatsApp. Mereka tidak dapat memenuhi permintaan. Ibu tunggal sukar untuk melaksanakan*



*sesuatu projek kerana mereka menghadapi masalah. Mereka telah menerima kemahiran, modal, nasihat, dan memberikan melalui koperasi. Tetapi, apabila berjaya, mereka mengatakan bahawa mereka ingin berdikari atau meninggalkan koperasi. Sebabnya adalah kerana mereka tidak bersetuju dengan keuntungan yang akan dikongsi dengan koperasi. Pada awalnya, koperasi mempunyai 50 orang anggota, jadi kami boleh meminta bantuan. Tetapi tiba-tiba ketika kami menjemput mereka ke mesyuarat agung tahunan, ada yang menghasut anggota untuk meninggalkan koperasi. Masing-masing dari mereka tidak setuju untuk memberikan sumbangan kecil kepada koperasi, mereka tidak bekerjasama, sukar untuk berkomitmen, dan tidak bersedia mendengar nasihat yang baik. (Informan 11)*

Penemuan hasil kajian ini selari dengan kajian Mohd Balwi et al. (2015) yang menyatakan sikap dan disiplin merupakan antara cabaran kepada usahawan dalam kalangan asnaf. Kurangnya pendedahan dan pergaulan yang terbatas telah menyebabkan mereka tidak mampu melihat perubahan dan potensi akan datang melalui pendidikan. Dalam erti kata lain, antara asnaf yang dimaksudkan adalah golongan ibu tunggal yang miskin dan maksud “pendidikan” merangkumi pendidikan formal dan tidak formal dalam perniagaan. Dalam kajian ini koperasi adalah entiti perniagaan.

Namun begitu, terdapat koperasi ibu tunggal yang boleh menjadi contoh terbaik dalam kalangan mereka berdasarkan daya tahan perniagaan seperti yang dimaklumkan oleh informan 12 seperti berikut:

*Koperasi Ibu Tunggal TKB (bukan nama sebenar) sudah tidak beroperasi lagi. Ia ditubuhkan untuk membantu ibu tunggal memasarkan produk buatan sendiri. Koperasi masih tidak dibatalkan. SKM telah membantu mereka mendapatkan RM30,000 untuk perniagaan spa kecantikan. SPA pada mulanya berjaya, tetapi kerana kekurangan kakitangan dan masalah pengurusan, koperasi tidak meneruskan perniagaan. Walau bagaimanapun, kakitangan mereka yang berpengalaman masih menerima panggilan perkhidmatan spa kecantikan bergerak. Selain perniagaan spa kecantikan, mereka juga menghasilkan kacang tanah yang renyah. Anggota koperasi adalah wanita dan ibu tunggal berasal dari keluarga miskin. Mereka tidak berupaya membeli cukup makanan dan lain-lain. Suami mereka di penjara atau pusat tahanan. Ada yang masih muda, mempunyai anak tetapi tidak mempunyai suami. Saya telah memulakan program dengan koperasi lain (koperasi untuk isteri pegawai Petronas) untuk menghasilkan tajuk buku resipi Taste of Jeram pada harga RM99 setiap buku. Ibu tunggal atau sesiapa sahaja yang telah menyumbang resipi akan mendapat royalti. Oleh itu, seorang ibu tunggal akan mempunyai wang untuk kelangsungan hidupnya. (Informan 12)*

Koperasi selalu dianggap sebagai agensi ekonomi dengan tanggungjawab sosial yang kuat terhadap anggota khususnya dan masyarakat amnya. Banyak faktor menyumbang kepada kejayaan koperasi seperti penyertaan anggota bergantung pada usia dan pendidikan anggota, tahap pelaburan mereka, kegunaan koperasi kepada anggota, dan kemahiran teknikal mereka. Informan 2 menyatakan faktor-faktor yang menyumbang kepada kejayaan Koperasi Ibu Tunggal Cempaka Biru Daerah Gombak & Petaling Berhad, Selangor (Kumpulan 2 -Rawang):

*Keupayaan koperasi berjalan dengan baik, mengatasi pelbagai cabaran dan berjaya bergantung banyak pada faktor dalaman dan luaran. Antara faktor yang telah dikenal pasti berkaitan dengan kejayaan koperasi ibu tunggal adalah keupayaan komuniti ibu tunggal, sokongan, dan kerjasama dari entiti luar, komitmen dan kepemimpinan, dan hubungan dengan komuniti ibu tunggal. Ibu tunggal memerlukan perhatian dan bimbingan. Koperasi ibu tunggal ini pada mulanya berasal dari persatuan ibu tunggal. Persatuan ini mengusahakan program mereka dengan sebuah parti politik, tetapi akhirnya menubuhkan koperasi dan berdikari dengan usaha sendiri. Mereka percaya bahawa koperasi adalah platform untuk mereka mendapatkan sumber pendapatan. Persatuan ini adalah untuk urusan kesejahteraan dan sosial anggota. (Informan 2)*

Semasa bertanya mengenai kemudahan kewangan yang ditawarkan oleh SKM kepada koperasi ibu tunggal, informan 2 mengatakan:

*SKM Gombak-Hulu Langat adalah wilayah terbesar dengan jumlah koperasi terbanyak. Untuk mendapatkan bantuan kewangan dari SKM, tempoh minimum operasi koperasi adalah 18 bulan. Koperasi Ibu Tunggal Cempaka Biru Daerah Gombak & Petaling Berhad, Selangor (Kumpulan 2 -Rawang) menunjukkan prestasi yang baik dalam tempoh tersebut dan oleh itu SKM telah mengundang mereka untuk menyertai Hari Koperasi Nasional dan program lain yang berkaitan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Pada awalnya, hanya ada 49 orang anggota. Koperasi telah berjaya dalam permohonannya untuk mendapatkan dana RM50,000.00 dari SKM. Mereka telah membuka kedai roti mereka dan menerima banyak pesanan dari masyarakat. Koperasi mempunyai kumpulan bentuk yang terdiri daripada 4 orang anggota, dengan tugas yang berbeza, misalnya, kumpulan makanan tradisional, kumpulan untuk kek dan biskut; dan mereka akan mempromosikan dan menjual produk tersebut. Keuntungan bersih akan dikongsi di antara ahli. Pengkaji dialu-alukan untuk mengunjungi kedai roti. (Informan 2)*

## **KESIMPULAN**

Kajian ini dijalankan rentetan daripada prestasi koperasi ibu tunggal dalam perangkaan am koperasi berdasarkan golongan sasaran ibu tunggal. Secara kesimpulannya, menurut Ringkasan Perangkaan Am Koperasi Mengikut Kumpulan Sasaran Jun 2020, koperasi ibu tunggal telah menyumbang perolehan sebanyak RM47,847.37. Jumlah tersebut amat sedikit jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan perolehan sektor koperasi iaitu RM21,200,702,985.00 tetapi impak kepada keperluan menambah baik pengurusan koperasi ibu tunggal dan mengaktifkan kembali koperasi yang telah dormant amat tinggi. Memandangkan faktor kewangan, kecekapan pengurusan dan penglibatan anggota koperasi menjadi pemboleh ubah yang mempengaruhi prestasi koperasi ibu tunggal dalam kajian ini, latar belakang pendidikan anggota koperasi, pengalaman berniaga, kemahiran dan amalan pengurusan, pengurusan kewangan, pengurusan kakitangan dan anggota koperasi merupakan perkara utama yang perlu dititikberatkan bagi meningkatkan prestasi ibu tunggal.

Maka, kajian ini mencadangkan agar kerajaan dan agensi berkaitan koperasi terus mengangkat agenda memperkasakan usahawan ibu tunggal melalui koperasi dengan cara membaik pulih prestasi koperasi ibu tunggal sedia ada dan memberi bimbingan untuk mengaktifkan semula koperasi ibu tunggal yang dorman. Dengan cara ini, usaha untuk membangunkan sosioekonomi dan membasmi kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal melalui koperasi dapat direalisasikan. Pada masa yang sama, kerjasama antara SKM dan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Pelan Pemerkasaan Ibu Tunggal wajar diteruskan kerana ia dapat memberi impak positif kepada kebolehsampaian pertumbuhan ekonomi negara. Penekanan khusus untuk ibu tunggal boleh dilakukan melalui pembentukan pelan tindakan strategik yang menggariskan program pendidikan dan latihan, serta pendekatan bagi memudahkan penglibatan ibu tunggal dalam menjana pendapatan.

Selain itu, masyarakat awam seharusnya turut membantu golongan ibu tunggal dan bukannya meminggirkan mereka. Masyarakat seharusnya membantu ibu tunggal dengan memberi sokongan moral agar ibu tunggal membantu diri sendiri (*self help*) menceburkan diri dalam perniagaan. Program peningkatan ilmu dan kemahiran keusahawanan hendaklah memenuhi keperluan ibu tunggal berpandukan jenis perniagaan yang mereka lakukan supaya mereka dapat meningkatkan pendapatan dan mengembangkan perniagaan yang sedia ada.

Sebagai ibu tunggal, mereka harus berubah mengikut perkembangan ekonomi semasa, bersedia untuk menerima perubahan dalam mengendalikan perniagaan agar mampu bersaing dan berdaya tahan dalam perniagaan. Sebagai usahawan mereka juga hendaklah bersedia dari segi mental dan fizikal agar segala keterbatasan sebagai usahawan ibu tunggal dapat diatasi sendiri dengan ilmu dan kemahiran yang ada.

## RUJUKAN

- Ab Ghani, S.R., Omar R., Mat Enh, A. & Kamarudin, R. (2020). Peranan koperasi dalam dakwah ekonomi gerakan islam di Malaysia sehingga tahun 2019. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 23(1) 84-110.
- Abdul-Jalal, H., Paul, T., & David, T. (2013). Knowledge sharing success for sustaining organizational competitive advantage. *Procedia Economics and Finance*, 7, 150-157.
- Abdul Rahim, H. R. (2016). Dilema wanita berpendidikan tinggi: Faktor-faktor wanita berhenti kerja. *SARJANA*, 30 (1), 99 - 117.
- Ayob, N. A., Daud, S., & Ismail, M. T. (2016). Modal insan, daya saing dan prestasi usahawan wanita di Malaysia: Analisis kualitatif usahawan wanita bumiputera di Melaka. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(10), 56-67.
- Azmi, A. A., & Yacob, Y. (2015). The effectiveness of training programs among co-operative members in Sarawak. *Malaysian Journal of Co-operative Studies*, 11 (2015), 45-58.
- Graham, E. (2017, April 18). *Witness interviewing: How to dealt with reluctant witnesses*. Safety Wise. <https://www.safetywise.com/single-post/2017/04/18/Witness-Interviewing-How-to-deal-with-reluctant-witnesses>
- Hamid. N.H. (2021, March 12). Jumlah koperasi wanita terlalu rendah. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/128119/BERITA/Nasional/Jumlah-koperasi-wanita-terlalu-rendah>.
- Idris, N.A., & Ishak, Y. (2003). Sektor tidak formal dan kemiskinan bandar. In N.A. Idris & S. Chamhuri (Eds). *Kemiskinan bandar dan sektor tidak formal di Malaysia* (23-40). Penerbit UKM.
- Idris, N.A., & Selvaratnam, D. P. (2012). Program pembasmian kemiskinan dalam kalangan ibu tunggal: Analisis penyertaan dan keberkesanan. *Prosiding PERKEM VII*, Jilid 1 (2012), 248-259.
- International Co-operative Alliance. (2018). *What is a cooperative?*. <https://www.ica.coop/en/cooperatives/what-is-a-cooperative>
- Isahak, D., Selvaratnam, D. P., & Idris, N. A. (2009). Isu dan cabaran ibu tunggal dalam menghadapi perubahan persekitaran global. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV)*, Jilid 1 (2009), 324-336.
- Joseph, A., & Omona, J. (2018). Survival strategies of producer cooperatives in Uganda: A case study of Nyakatonzi Growers' Cooperative Union, Kasese district. *Malaysian Journal of Co-operative Studies*, 14(2018), 63-85.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). 2016: 821. Penerbit Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat. (2015). *Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal (2015-2020)*. <https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/BUKU%20PELAN%20TINDAKAN%20PEMERKASAAN%20IBU%20TUNGGAL.pdf>
- Lajuni, N., Ali, M.P., Yacob, Y., & Tarip, Y. (2019). Board of directors' finance and planning competency influence on co-operative's financial and non-financial performances. *Malaysian Journal of Co-operative Studies*, 15(2019), 1-10.
- Md Ali, A., Md. Som, H., Bujang, S.M., & Abu Bakar, T. (2004). Aktiviti keusahawanan di kalangan ibu tunggal di negeri Johor: Kajian terhadap faktor penglibatan dan kejayaan dalam perniagaan. *Jurnal Kemusiaan*, 2(2), 53-71.
- Md Shah, J. (2004). Survival Ekonomi Wanita Dalam Komuniti Setinggan. *Jati Journal of Southeast Asian Studies*, [S.I.], 9 (2004), 111-123.
- Md Sum, S. (2013). *Pembangunan komuniti melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR): Kajian pengalaman peserta projek perladangan cili kontrak di Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan*. Tesis Dr. Fal. Universiti Sains Malaysia.
- Md. Yusop, J. (2016). Development and prospect of Orang Asli co-operatives: A case study of Perak and Pahang. *Malaysian Journal of Co-operative Studies*, 12 (2016), 1-17.
- Mohd Balwi, M. A. W. F., Che Abdullah, A. S., Abd Halim, A. H., & Mohamad, N. (2015). Pembangunan Usahawan Asnaf Melalui Bantuan Dana dan Latihan Lembaga Zakat Selangor: Satu Sorotan. *Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan*.
- Mustapa, K. M., Mustafa, N., & Muhajar, A.J. (2015). The resilience concept of Islamic entrepreneurs and the promoting of Islamic financing products to credit co-operatives in Malaysia. *Malaysian Journal of Co-operative Studies*, 11(2015), 25-41.
- Noordin, N., Said, M. S. A., Abu Hassan, S. K., Md. Yusop, J. & Asan Ali Golam, H. (2016). Development and prospect of Orang Asli Co-operatives: A case study of Perak and Pahang. *Malaysian Journal of Co-operative Studies*, 12, 1-17.
- Roddin, R., Sultan Sidi, N. S., Yusof, Y., Mohamed, M. & Abdul Razzaq. A. R. (2010). Poverty Alleviation Among Single Mother in Malaysia: Building Entrepreneurship Capacity. *International Journal of Business and Social Science*, 2 (17), 92-98.
- Sabri, N. L. & Mohd Khir, A. (2020). Cabaran dan faktor kejayaan usahawan ibu tunggal di negeri Perak. *Malaysian Journal of Human Ecology (MJHE)*. 1(3). [https://ecol.upm.edu.my/jurnal\\_mjhe-3740](https://ecol.upm.edu.my/jurnal_mjhe-3740)
- Stapah @ Salleh, M., Ismail, A.G., & Possumah, B.T. (2014). Pandangan terhadap peranan dan tingkahlaku organisasi bukan untung: Beberapa dasar aplikasi. *Proceeding of The 1<sup>st</sup> International Conference on Management and Muamalah 2014 (1<sup>st</sup> ICoMM)*. 13<sup>th</sup> – 14<sup>th</sup> Nov 2014, e-ISBN: 978-967-0850-01-6.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia. (2020). *Ringkasan perangkaan am koperasi mengikut kumpulan sasaran 2020*. (PORTAL)FINAL.pdf

Wan Idris, S. R. (2019). Faktor mempengaruhi prestasi usahawan wanita dalam koperasi. *Malaysian Journal of Co-operative Studies*, 15(2019), 47-65.

ISSN 2600-7290



9 772600 729001

Centre of Research  
CO-OPERATIVE INSTITUTE OF MALAYSIA  
103, Jalan Templer, 46700 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia  
Tel: 603-7964 9000 Fax: 603-7957 0434  
E-mail: [ikma@ikma.edu.my](mailto:ikma@ikma.edu.my)